

**Jilid I
Bil. 16**



**Hari Selasa
2hb November, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1843]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1875]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1875]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **DATOK MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO' LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMAD GHAZALI BIN
SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN**, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO
YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, **DATO' S. SAMY
VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjung Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK ANUAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Teluk Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kucing).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K., P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mohamed Khalil Yaakob (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK ADWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupur).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUA IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LIANG SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat **TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).**
- „ **TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYUB (Hilir Perak).**
- „ **TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSAIN TAMBAKAU (Keningau).**
- „ **TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).**
- „ **TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).**
- „ **DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).**
- „ **TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).**
- „ **DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Lumpur).**
- „ **TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).**
- „ **TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).**
- „ **TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).**
- „ **TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).**
- „ **TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).**
- „ **TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).**
- „ **DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- „ **TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).**
- „ **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- „ **TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).**
- „ **TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).**

Yang Berhormat TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K.(Sungai Petani).

„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).

„ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 2hb November, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PELARIAN-PELARIAN ISLAM

1. Tuan Ismail bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan yang telah dan dapat dilakukan sehingga ini di dalam usaha untuk menjamin pelarian-pelarian Islam di dunia yang telah menjadi ancaman dan penindasan serta kekejaman musuh khususnya seperti yang telah berlaku ke atas pelarian Palestin di Lebanon baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelarian Palestin, Kerajaan Malaysia telah pun sejak hari mula-mula lagi bertindak tegas di mana-mana sahaja forum antarabangsa supaya hak asasi mereka di Palestin dikembalikan. Kerajaan telah juga dari semasa ke semasa membuat sumbangannya kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengatasi masalah-masalah pelarian ini.

Baru-baru ini akibat pencerobohan Israel terhadap Lebanon, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Bantuan Kemanusiaan kepada mangsa-mangsa perang di Lebanon sebagai menyalurkan serta menyelaraskan derma-derma dari orang ramai kepada mangsa-mangsa tersebut. Kesan daripada inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan, masyarakat umum dari berbagai golongan telah tampil ke depan dengan penuh kerelaan

menghulurkan derma-derma mereka kepada berbagai-bagai tabung yang ditubuhkan oleh beberapa pertubuhan, seperti Utusan Melayu, ABIM, New Straits Times dan Pertubuhan Bulan Sabit Merah Malaysia yang mana sedang diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri atas nama tabung tadi.

Dalam hal pelarian Afghan pula, Kerajaan dalam tahun 1980 telah menyumbangkan sebanyak \$150,000 melalui Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam, malahan buat masa ini Kerajaan sedang memberi perhatian akan meminta khas Kerajaan Pakistan untuk membantu negara tersebut dalam mengendalikan penempatan pelarian Afghan di negara itu yang meningkat kepada angka 2.8 juta orang. Kita sentiasa memberi perhatian yang serius kepada permintaan Pakistan ini memandangkan kadar pertambahan kemasukan pelarian Afghan ke Pakistan yang mencemaskan iaitu pada kadar 50,000 orang sebulan. Pada peringkat ini Pakistan mungkin tidak dapat menentukan bentuk bantuan yang mungkin kita dapat berikan dan perkara ini adalah di antara beberapa isu yang akan dibincangkan semasa kunjungan negara oleh President Zia ke Malaysia pada 6hb ke 10hb November ini nanti.

Kerajaan Somalia juga telah memberikan penghargaan yang tinggi kepada kita atas sumbangan kewangan dari Malaysia sebanyak 3 kali untuk mengendalikan pelarian dari Padang Pasir Ogadin seramai 1.5 juta orang di Somalia. Dalam tahun 1965 dan 1975 Kerajaan telah peruntukan \$30,000 pada setiap sumbangan itu. Dalam tahun 1980 Malaysia menyumbangkan sekali lagi sebanyak \$50,000. Sumbangan-sumbangan ini dibuat atas dasar semangat perpaduan Islam dan di atas semangat keperimansuaian.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, Malaysia telah mengambil bahagian dalam persidangan antarabangsa mengenai pelarian Afrika yang diadakan di Geneva pada 9hb ke 10hb April, 1981 dan di persidangan yang sama Malaysia telah menderma sebanyak US\$30,000 untuk pelarian Afrika melalui Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang-orang pelarian. Malaysia berazam akan terus-menerus memainkan peranan penting setakat kemampuan kita untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelarian-pelarian Islam di mana-mana.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak Kerajaan Malaysia bersedia menerima pelarian Islam daripada Palestin, Afghanistan dan lain-lain lagi ke Malaysia?

Kedua, apakah pihak Kerajaan Malaysia telah menerima permohonan daripada pelarian-pelarian Islam itu untuk berlindung sementara ke negara Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal pelarian Palestin hendak masuk ke Malaysia ini tidak timbul kerana setakat ini kita tidak pun menerima permohonan-permohonan seperti itu. Namun demikian, soal pelarian Islam di sekitar rantau ini, di sekitar Malaysia memang kita memberi pertimbangan khas dan sudah pun ada pelarian-pelarian Islam dari Kemboja, Vietnam dan juga dari Filipina yang sudah pun kita memberi tempat dalam negara kita.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi nampaknya peranan Malaysia begitu tegas sekali, terutama sekali di Bangsa-bangsa Bersatu untuk menyelesaikan masalah ini dan di Malaysia kita ini ada berbagai tabung telah wujud seperti ABIM, Utusan Melayu, Palang Merah seperti yang dikatakan tadi. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh beritahu kita dalam dunia ini adakah negara-negara lain buat sepertimana yang kita buat selama ini, iaitu mengumpulkan wang untuk membantu pelarian Islam ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu adalah diluar daripada soal asal.

Tuan Ismail bin Said: Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi beliau telah menjelaskan usaha-usaha dan bantuan-bantuan yang diberikan oleh negara kita Malaysia kepada orang-orang pelarian Islam. Jadi, saya ingin tahu adakah negara-negara Islam yang lain juga turut memberi bantuan yang sama dan adakah beliau berpuas hati dengan peranan-peranan yang dimainkan oleh negara-negara Islam yang lain.

Kedua, adakah beliau berpendapat bahawa kekejaman dan penindasan yang berlaku ini disebabkan oleh kelemahan negara-negara Islam sendiri yang bercakaran sesama sendiri dan jika demikian, apakah peranan negara kita pula untuk menyatu-padukan negara-negara Islam ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan yang pertama tadi, memang negara-negara Islam yang lain pun turut memberi sumbangan dan kadangkala sumbangan yang besar terhadap mengatasi masalah-masalah pelarian ini.

Bagi soalan yang kedua, sudah tentulah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalaulah negara-negara Islam dalam dunia ini bersatu-padu dan berdiri teguh di atas prinsip-prinsip perjuangan mereka soal-soal pelarian Islam ini akan berkurangan dan dalam hubungan ini di mana-mana sahaja forum antarabangsa yang kita mendapat peluang kita telah pun merayu supaya negara-negara Islam ini bersatu-padu untuk meningkatkan perjuangan untuk menjaga hak asasi mereka.

Tuan Dasuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah pelarian Islam di dunia hari ini khususnya di negara-negara di mana umat Islam merupakan golongan minoriti adalah menjadi suatu masalah yang besar dan umat Islam ditindas secara terus-menerus, tidak sebagaimana minoriti bukan Islam di negara-negara Islam. Sebagaimana yang disebutkan tadi bahawa Malaysia telah pun memainkan peranan yang penting dalam

forum antarabangsa dan Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang dihormati di dunia. Apakah Malaysia tidak bercadang kerana sebagaimana yang kita tahu hanya Sekretariat Negara-negara Islam (IOC) sahaja mempunyai Jawatankuasa khusus tentang pelarian Islam ini dan apakah kita tidak menggesa supaya Sekretariat Negara-negara Islam ini bergerak dan bertindak dengan lebih positif dan lebih bermakna lagi.

Dalam hubungan ini, apakah peranan kita dalam IOC terutama yang berkaitan dengan pelarian dan kalau boleh berkaitan juga dengan minoriti umat Islam.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sudahpun sepanjang masa memberi sokongan penuh terhadap segala kegiatan-kegiatan IOC termasuk jawatankuasa kecil mengenai Minoriti Islam di mana-mana sahaja dan dalam hubungan ini kita telahpun baru-baru ini dalam mesyuarat Menteri-menteri Luar negara-negara Islam di Niamey, di Niger, Menteri Luar Negeri kita sendiri telahpun menggesa supaya diadakan satu program yang lebih tegas dan satu program yang lebih berkesan supaya masalah-masalah pelarian ini dapat diatasi. Sebab yang terdapat kadangkalanya pelarian-pelarian ini bukanlah sebab politik sahaja tetapi kadangkala ada pula pelarian-pelarian yang berdasarkan soal ekonomi, soal kemarau dan sebagainya. Jadi, dalam hubungan ini, kita sedang menggesa supaya diadakan satu program yang lebih berkesan untuk meningkatkan penyelesaian bukan sahaja soal-soal politik tetapi juga soal-soal ekonomi.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri telah menjawab tentang langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan kita bagi membantu pelarian-pelarian Islam di dunia atas sifat peri kemanusiaan. Saya suka mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan, memang menjadi satu hakikat bahawa berlakunya pelarian-pelarian ini ialah kerana kekejaman sesuatu kuasa di dalam

dunia ini. Selain daripada kita membantu pelarian-pelarian Islam ini adakah pihak Kerajaan bersikap serampang dua mata, selain daripada membantu iaitu mengambil langkah-langkah diplomatik di peringkat antarabangsa supaya dapat bertindak ke atas mereka yang kejam itu agar dapat membendung sikap yang tidak bertanggungjawab oleh manusia-manusia di dunia hari ini.

Adakah kerajaan bertindak untuk mengecam negara-negara yang kejam sebagaimana yang saya maksudkan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah pun bertindak lebih dari setakat mengecam sahaja. Dalam isu Palestin-pencerobohan Israel terhadap Palestin, dalam pencerobohan Soviet Union terhadap Afghanistan, tindakan-tindakan kita di mana-mana sahaja dan sejak awal-awal lagi begitu jelas sekali.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bahawa Malaysia pernah menerima pelarian Islam daripada Vietnam dan juga Kampuchea. Bolehkah beritahu sehingga hari ini jumlah bilangan yang telah kita terima.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis kepada soalan itu tetapi bolehlah saya nyatakan bahawa jumlah pelarian Islam yang kita telah terima atas sebab-sebab tertentu, sebab-sebab perikemanusiaan dan sebagainya adalah satu bilangan yang terlalu kecil.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada kecaman yang hebat daripada negara kita Malaysia seperti yang telah dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi dan juga bantuan yang berupa kewangan daripada negara kita kepada pelarian-pelarian Palestin, bagaimanakah reaksi Israel dan sekutu-sekutunya terhadap kecaman dan bantuan daripada negara kita itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sikap Israel terhadap opinion antarabangsa yang begitu menentang tindakan-tindakannya adalah begitu jelas kepada kita semua. Beliau masih degil lagi tetapi kita akan teruskan dengan usaha kita sehingga keadilan dapat diwujudkan.

MINYAK KELAPA SAWIT— EKSPORT KE BRITAIN

2. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandang bahawa eksport minyak kelapa sawit ke United Kingdom telah merosot disebabkan sekatan tarif oleh Komuniti Ekonomi Eropah dan dasar eksport Malaysia apakah langkah-langkah yang sedang diambil bagi membetulkan kecenderongan kemerosotan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa kemerosotan eksport minyak kelapa sawit ke United Kingdom bukanlah disebabkan oleh sekatan tarif semata-mata tetapi juga disebabkan oleh persaingan di antara minyak-minyak sayuran yang lain dan kemelesetan ekonomi dunia. Kerajaan telah dan sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini secara rundingan-rundingan mengenai tarif di forum antarabangsa seperti ASEAN-EEC dan sebagainya, mengusahakan misi-misi perdagangan galakan pemasaran kelapa sawit untuk mencari pasaran-pasaran baru dan meluaskan pasaran yang sedia ada, menyediakan khidmat-khidmat teknikal seperti dilakukan oleh khidmat nasihat teknik PORIM dan mempelbagaikan keluaran minyak kelapa sawit untuk memenuhi pelbagai permintaan sedunia. Disamping itu langkah-langkah yang lain ditimbang oleh Kerajaan untuk menggalakkan minyak kelapa sawit yang akan dieksport termasuk pemasaran minyak kelapa sawit secara pertukaran atau "contra-trade".

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Samada ada perhubungan Malaysia dengan United Kingdom yang tidak baik menyebabkan kemerosotan eksport minyak kelapa sawit kepada Britain.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini tidak berkait dengan soalan asal.

PERDANA MENTERI—LAWATAN RASMI KE NEGERI CHINA

3. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang mengadakan lawatan rasmi ke negeri China, seperti yang telah dibuat oleh bekas-bekas Perdana Menteri untuk mengeratkan lagi jalinan persahabatan di antara kedua-dua negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri China Encik Deng Xiaoping semasa membuat lawatan ke Malaysia pada bulan Ogos tahun lepas telah mengundang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk melawat ke negeri China. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerima undangan tersebut dan akan membuat lawatan itu pada suatu tarikh yang sesuai nanti.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Sama ada lawatan rasmi ke negeri China dilakukan bila pilihanraya umum tiba.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tarikh yang saya maksudkan sebagai sesuai itu belum ditetapkan lagi.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklum dari Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa Kerajaan Negeri China sehingga hari ini masih belum condemn lagi Parti Komunis Malaysia yang bagi setengah orang kerana tidak ada condemnation itu seolah-olah mereka berkerjasama secara tidak langsung sedangkan PKM ini adalah merupakan musuh kita yang utama bermaharajalela terutamanya di kawasan sempadan?

Datuk Abdullah bin Haji Badawi: Soalan itu tidak berkait dengan soalan asal.

Tuan Mamat bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, apakah faedah-faedah dan keuntungan yang difikirkan dapat diperolehi dari hubungan negara ini dengan negara China dalam bidang politik dan ekonomi memandangkan kedua-dua negara mengamalkan sistem politik dan ekonomi yang jauh berbeza?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini tidak berkait dengan soalan asal.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.

(Soalan No. 4 B. B. Dato' Haji Abu Bakar bin Umar tidak hadir)

JUMLAH PELARIAN

5. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal dalam Negeri menyatakan jumlah pelarian yang masih tinggal di negara Malaysia dan adakah Kementerian beliau telah mengadakan kempen ke negara ketiga untuk mendapatkan pelarian tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah begitu jelas. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah pendatang haram Vietnam yang masih berada di negara ini. Sehingga 11hb Oktober, 1982 bilangan pendatang haram Vietnam yang masih ada di dalam negara ini ialah seramai 7,432 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pegawai-pegawai Kementerian ini sering mengadakan perbincangan dengan wakil Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai orang-orang pelarian dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan proses pemindahan mereka itu ke negara-negara ketiga.

Di samping itu perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Kedutaan negara-negara yang ketiga untuk mereka mengambil lebih ramai lagi pendatang haram.

Tuan Ismail bin Said: Dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa jumlah pelarian

yang masih tinggal di negara kita yang ada hubungan dengan pendatang haram daripada Vietnam ialah seramai 7,430 orang. Jadi saya ingin tahu sama ada jumlah ini berada di tempat-tempat yang berlainan ataupun berada di satu pulau sahaja.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, jumlah ini berada di satu pulau dan juga ditransit camp. Pulau itu ialah Pulau Bidong dan transit camp itu ialah Transit Camp Sungai Besi.

Tuan Fung Ket Wing: *(Dengan izin)* Tuan Speaker, just now the Deputy Minister in his reply to this question confined himself only to the refugees from Vietnam, but according to this question here it refers to the 'refugees' in the country. I would like to know from the Deputy Minister whether similar action has been taken in regard to the Filipino refugees in Sandakan or particularly in Sabah?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan kepada Dewan ini bahawasanya memang ada perbezaan di antara pendatang haram Vietnam dengan pelarian daripada Filipina. Pelarian daripada Filipina ini bukanlah pendatang haram. Mereka adalah pelarian (refugees). Mereka merasakan bahawa suasana kampung mereka kurang tenteram, yang demikian, di atas sebab-sebab peri kemanusiaan pihak kita terpaksa memberi perlindungan sementara kepada mereka. Setelah segala-galanya pulih, maka mereka akan pulang ke negara mereka. Jadi itulah perbezaannya.

Adapun pendatang haram Vietnam mereka ini adalah pendatang haram. Mereka akan dihantar ke negara-negara yang ketiga. Itulah sebabnya awal-awal tadi, saya memberitahu bahawa kita memang mengadakan perbincangan dengan wakil daripada UNHCR dan juga dengan pegawai-pegawai Kedutaan negara-negara ketiga, untuk mereka mengambil pendatang-pendatang haram ini.

Suka saya memberitahu kepada Yang Berhormat yang berkenaan, pada masa dahulu iaitu pada masa pendatang haram ini

berada di tahap kemuncak, jumlahnya tidak kurang daripada 103,054 orang dan pada hari ini, hasil daripada kerjasama negara-negara yang ketiga, maka kita dapat mengurangkan kepada jumlah 7,432 orang.

PROGRAM PERUMAHAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, memandangkan kekurangan rumah yang sangat teruk di negara ini, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi perkara ini dan sejauh mana masalah pelaksanaan rancangan rumah harga murah yang telah dikesan dan perancangan strategi-strategi baru yang sedang dan akan dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembentukan program perumahan dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah mencukupi dengan keperluan pelbagai jenis rumah dalam tempoh tersebut yakni dengan mengambil kira stok perumahan yang sedia ada, keperluan mengganti rumah dan pertambahan penduduk. Jumlah rumah yang dijangka dapat dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat itu ialah sebanyak 923,300 unit yakni 398,570 di sektor awam dan 524,730 unit di sektor swasta.

Saya berpendapat keperluan perumahan masa kini tidaklah begitu teruk seperti yang disangkakan. Memang diakui di masa yang lalu bahawa permintaan perumahan melebihi penawaran disebabkan ramai orang melibatkan diri di dalam pembelian rumah-rumah untuk tujuan spekulasi sama ada untuk tujuan simpanan harta ataupun untuk di jual semula bagi mendapat keuntungan yang lebih besar. Tetapi sekarang ini dengan adanya sekatan oleh bank-bank ataupun institusi-institusi kewangan swasta yang mana keutamaan diberi kepada permohonan pinjaman bagi pinjaman yang pertama sahaja dan rumah yang akan dibeli akan diduduki

oleh sipeminjam sendiri, maka permintaan ke atas rumah agak reda sedikit. Ditambah lagi dengan keadaan ekonomi negara yang kurang baik, maka harga perumahan agak stabil malah ada rumah harga lebih daripada \$100,000 sukar untuk dijual.

Walaupun begitu sebagai keperluan jangka panjang Kementerian akan mengadakan satu polisi dan garis panduan yang akan diikuti oleh pemaju-pemaju swasta untuk membina dengan lebih banyak rumah kos sederhana Kementerian berpendapat bahawa rumah kos sederhana akan dapat memenuhi keperluan orang-orang yang berpendapat sederhana yang mana permintaan ke atas rumah-rumah jenis ini adalah lebih tinggi dari lain-lain jenis rumah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rumah kos sederhana ini ditujukan kepada golongan penduduk yang berpendapatan antara \$750 hingga \$2,500 sebulan dengan harga di antara \$25,000 hingga \$100,000 seunit.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rancangan rumah kos rendah pula masalah-masalah perlaksanaan yang dapat dikesan oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- (1) Penyertaan pemaju swasta untuk membina rumah kos rendah tidak begitu menggalakkan sungguhpun mereka disyaratkan untuk membina rumah kos rendah sebanyak 90,000 unit.
- (2) Sungguhpun Kerajaan menggalakkan penggunaan sistem pasang siap bagi projek perumahan awam kos rendah hanya beberapa buah Kerajaan sahaja telah menerima cara pembinaan ini.
- (3) Walaupun kerja-kerja ukur berjalan dengan baiknya tetapi bagi tanah milik tertentu kerja-kerja ukur tidak dapat dijalankan kerana usaha pengambilan balik tanah belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah-masalah perlaksanaan yang tersebut itu, Kementerian telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti berikut:-

- (1) Untuk memudahkan pemaju swasta membina rumah kos rendah, Kementerian sedang berusaha mengedarkan garis panduan yang telah dikemaskinikan kepada Kerajaan Negeri untuk keterangan lanjut. Di samping itu Kementerian bersedia untuk mengadakan dialog dengan pemaju-pemaju swasta mengenai penyertaan mereka yang lebih besar dalam pembinaan rumah kos rendah.
- (2) Kerajaan Negeri tidak berminat untuk menggunakan sistem bina pasang siap mungkin kerana kos pembinaan cara ini atau kegunaan bahan pasang siap lebih tinggi berbanding dengan kos pembinaan conventional.

Oleh itu, Kerajaan akan berusaha menggalakkan penggunaan bagi pembinaan rumah kos sederhana dan akhirnya Kementerian akan sentiasa menggesa Kerajaan Negeri supaya mempercepatkan proses pengambilan tanah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi angka-angka berkenaan dengan perlaksanaan skim perumahan oleh pihak swasta dan juga pihak awam. Di sini saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang lebih lanjut yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan supaya Kementerian ada kapasiti, perlaksanaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Misalnya, adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengadakan atau untuk menubuh sebuah Majlis Kebangsaan Perumahan bagi tujuan untuk melaksanakan skim perumahan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sentiasa mengadakan hubungan yang rapat dengan pihak pemaju swasta dan kita sering bertukar-tukar fikiran

mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi ini. Walau bagaimanapun, saya fikir dalam usaha ini adalah perlu bagi pihak swasta untuk bersama-sama menjalankan tanggungjawab mereka dalam bidang ini. Kementerian telah pun memberi beberapa galakan dan saya berharaplah pihak swasta akan tampil ke hadapan untuk menyambut seruan daripada Kementerian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan 90,000 rumah yang diuntukkan kepada swasta tidak diindahkan oleh pihak swasta, tetapi lesen untuk pemajuan itu dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan. Apakah dalam lesen pengeluaran itu ada syarat-syarat yang dimestikan supaya pihak swasta itu mendirikan rumah-rumah murah dan jika tidak adakah Kementerian bercadang supaya ini disyaratkan dan diwajibkan kalau tidak kemungkinan lesen itu ditarik balik atau tidak dikeluarkan kepada pemaju perumahan tersebut.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, lesen-lesen kepada pemaju-pemaju swasta ini memang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi atas nasihat daripada Kerajaan-kerajaan Negeri di mana projek-projek ini diadakan dan adalah bagi pihak Kerajaan Negeri untuk memberi syarat-syarat kepada pihak swasta pemaju perumahan ini. Walau bagaimanapun Kementerian memang ada membuat satu dasar iaitu sekurang-kurangnya 30% rumah-rumah yang dibina itu hendaklah rumah jenis kos rendah. Walau bagaimanapun, kami dapati prestasi ataupun performance oleh pihak swasta ini tidak begitu memuaskan, mungkin kerana mereka ini mengalami beberapa masalah. Pertama, mereka lebih senang untuk menjual rumah yang Berharga tinggi, kerana mereka mendapat untung yang lebih dengan menjual rumah yang harga tinggi ini. Sungguhpun begitu Kementerian akan mengambil langkah di masa depan untuk mencari jalan supaya mereka ini membina kedua-dua jenis atau ketiga-tiga jenis rumah ini serentak supaya bilangan atau yunit rumah yang kita utarakan itu akan tercapai di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yahya bin Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, mengapa Kementerian Perumahan di bawah Jabatan Perumahan Negara membuat rumah-rumah murah untuk rakyat terlalu sedikit bilangannya. Sebagai contoh di pekan Bagan Datoh hanya dibina 48 buah rumah dan di Hutan Melintang hanya 60 buah sedangkan tiap-tiap permintaan hampir 1,000 orang yang memohon.

Yang kedua, mengapa harga rumah murah yang dibuat oleh Kerajaan ini pada hari ini mahal harganya, kalau dahulu harganya \$15,000 sekarang \$25,000. Mana ada kemampuan rakyat yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah Kerajaan yang begitu mahal yang dikatakan murah itu.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat berjumlah 176,500 dan ini adalah unit rumah yang pihak Kementerian ataupun pihak awam akan membuatnya. Rasa saya ini tidaklah sedikit bilangannya bila dibandingkan dengan rumah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Rumah-rumah yang dikatakan kos rendah ini telahpun dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu berharga \$25,000 ke bawah mengandungi dua bilik tidur, satu bilik tamu atau bilik rehat dan satu bilik air atau tandas. Oleh kerana ini definisi rumah kos rendah itu berharga \$25,000 tidaklah dapat kami merendahkan lagi harga rumah kos rendah itu.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar birokrasi dan red tape Kerajaan dikebanyakan Jabatan Kerajaan di mana permohonan untuk menukarkan kegunaan tanah dan permohonan bagi kelulusan pelan-pelan susunatur dan bangunan (lay out and building plans) yang mesti melaluinya adalah satu dari sebab utama kekurangan rumah di negara ini. Kalau sedar bolehkah Kerajaan menimbang untuk menubuhkan satu one-stop agency bagi mengendalikan permohonan untuk menukarkan kegunaan tanah dan

permohonan bagi kelulusan lay out dan building plan terutama sekali bagi skim rumah haram.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu kami akan pertimbangkan. (*Ketawa*).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak masalah pemaju-pemaju swasta tidak berminat atau kurang berminat untuk mendirikan rumah kos rendah dan juga rumah kos sederhana. Ini disebabkan sangat sukar untuk mendapat kewangan yang faedahnya kurang daripada 10%. Kebanyakan pihak pemaju swasta atau institusi-institusi kewangan lebih suka mengeluarkan biaya untuk rumah-rumah yang berharga \$100,000 ke atas sebab rumah-rumah yang \$100,000 ke atas ini.....

Timbalan Yang di-Pertua: Apa soalan itu?

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya hendak pergi ke soalanlah.....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya percaya Yang Berhormat faham. Sebutkan soalnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan saya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa untuk membiayai rumah berharga \$100,000 ke atas itu dapat faedah yang lebih—ertinya sampai 14%. Ini baru pihak kewangan boleh mengeluarkan kewangan atau suka mengeluarkan kewangan. Jadi apakah tindakan pihak Kerajaan supaya pihak institusi kewangan atau MBSB dapat mengeluarkan lebih banyak kewangan bagi rumah yang berharga \$100,000 ke bawah dan bukan \$100,000 ke atas?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar akan perkara ini tetapi saya berharap di masa yang akan datang ini oleh kerana institusi kewangan di negara kita telah pun diberi galakan untuk memberi lebih banyak pinjaman wang perumahan bagi rumah yang berharga \$100,000 ke bawah saya berharaplah, dengan izin, "scenario" perumahan di negara kita mungkin akan

berubah dan pihak-pihak swasta akan membina lebih banyak lagi rumah-rumah kos sederhana ini.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan tadi perancangan Kementerian Perumahan dalam soal pembinaan rumah adalah mencukupi dan keperluan tidak begitu teruk. Tetapi di tempat saya rumah-rumah kos rendah yang \$25,000 ke atas dibina 120 buah tetapi permohonan 800 lebih. Mengapa dan sebab apa begitu banyak orang meminta rumah ini dan bagaimana cara-caranya Kementerian boleh menyelesaikan masalah rakyat yang berkehendakan rumah itu?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, permohonan untuk rumah-rumah kos rendah ini memanglah ramai kerana harga rumah ini rendah. (*Ketawa*) Kalau harga rumah ini mahal tentu tidak ramai orang yang hendak memohonnya. Walau bagaimanapun, di negeri Kedah untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bilangan unit di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk rumah kos rendah ini adalah 7,681 buah.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa syarat-syarat bagi pemaju-pemaju perumahan yang hendak menjualkan rumahnya dikhususkan kepada bumiputra 30% tetapi bumiputra tidak membelinya. Tawaran 30% ini tidak di ketahui, sedar-sedar telah diduduki oleh bukan bumiputra dalam semua rumah-rumah itu.

Puan Napsiah binti Omar: Minta ulang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila ulangi soalan itu.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa pemaju-pemaju perumahan ini telah diberi syarat iaitu 30% diberi kepada orang bumiputra. Tetapi apabila penjualan rumah-rumah ini dibuat kepada bumiputra tidak ada satu bumiputra pun yang membelinya, dan bukan bumiputra sahaja yang menduduki rumah itu.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tanggungjawab kita bersama untuk menyedarkannya termasuklah Ahli Yang Berhormat juga. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal. Tidak ada.

(*Soalan No. 7 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir*)

SEKOLAH-SEKOLAH DALAM KAWASAN "DANGER ZONE" DI SARAWAK

8. **Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa murid-murid dan guru-guru sekolah daripada tiga buah sekolah rendah dalam kawasan "Danger Zone" di Sarawak telah dipindahkan ke sekolah-sekolah rendah yang lain untuk sementara waktu dan berapa lama murid-murid dan guru-guru itu akan ditumpangkan, dan adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk mendirikan rumah-rumah dan sekolah rendah yang baru di kawasan penempatan tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sedar dan bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh murid-murid serta guru-guru sekolah dalam kawasan "danger zone" di Sarawak seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah seperti berikut:

- (1) Sekolah Rendah Kebangsaan Ulu Kaong—51 orang murid.
- (2) Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Ara—82 orang murid.
- (3) Sekolah Kebangsaan Naga Mepi—104 orang murid.

Murid-murid dan guru-guru ini telah dipindahkan keluar dari "Danger Zone" ini dan kini ditumpangkan di sekolah-sekolah seperti berikut:

- (1) Sekolah Rendah Kebangsaan Sebangki.
- (2) Sekolah Rendah Kebangsaan Ridan.
- (3) Sekolah Rendah Kebangsaan Skaroh.

Ini adalah sebagai langkah sementara sehingga sebuah sekolah baru akan siap dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sekolah baru ini ialah Sekolah Rendah Kebangsaan Batang Air. Sekolah ini akan dapat menampung semua murid yang terlibat seperti yang disebutkan di atas. Ia akan dilengkapi dengan antara lain 12 bilik darjah, 8 unit rumah guru dan dua blok asrama. Peruntukannya ialah \$1.25 juta.

Pada masa ini kerja-kerja meratakan tapak sedang dijalankan dan kerja pembinaan akan dimulakan pada awal tahun 1983. Projek ini dijangka siap dalam tahun 1984.

Tuan Andrew Janggi Muyang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum pembinaan projek haidro ini dilaksanakan adakah pihak Kerajaan membuat kajian dan penelitian di atas masalah-masalah yang akan dihadapi oleh rakyat di kawasan yang dikatakan "danger zone" itu seperti sekolah-sekolah yang sekarang sedang dipindahkan dan ditumpangkan kepada sekolah-sekolah lain yang tidak mencukupi bilik-bilik darjah?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Saya pasti pihak Kerajaan Pusat dan juga pihak Kerajaan Negeri sudah sayugianya mengkaji kedudukan kawasan yang mana sekolah-sekolah tadi terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Awang bin Jabar! Tidak ada.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Awang bin Jabar tidak hadir)

PENCEROBOHAN ISRAEL DI LEBANON TINDAKAN KERAJAAN

10. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian dan tindakan Kerajaan terhadap pencerobohan Zionis Israel ke atas Lebanon dan kekejaman mereka ke atas rakyat-rakyat Palestin.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah di antara negara-negara Islam yang awal-awal lagi telah menarik perhatian masyarakat

antarabangsa tentang matlamat sebenar Israel yang terselindung di sebalik pencerobohnya ke atas Lebanon. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Luar Malaysia pada 14hb Jun, 1982, telah menegaskan bahawa matlamat sebenar pencerobohan Israel itu adalah bertujuan untuk memecah-belahkan Lebanon kepada dua atau lebih kawasan yang kecil. Yang Berhormat Menteri Luar juga telah membuat rayuan khas dalam Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam dan menggesa semua negara-negara Islam bermaufakat serta melahirkan satu formula penyelesaian sebagai satu strategi bersama yang padu.

Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri pada 7hb Jun, 1982 juga telah mengutuk Israel iaitu sehari selepas Israel masuk mencerooboh Lebanon. Malahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini juga dalam ucapan sulung beliau di PBB telah dengan lantang dan jelas mengutuk pencerobohan Israel di Lebanon dan kezaliman dan kekejaman yang dilakukan terhadap orang-orang Palestin.

Di antara tindakan-tindakan Kerajaan yang telah diambil dalam ikhtiar kita mempertahankan maruah rakyat Palestin adalah seperti berikut:

- (i) Kita telah merayu melalui Setiausaha Agong Negara-negara Islam untuk diadakan satu sidang tergepar bagi membincangkan keadaan di Lebanon dengan harapan dapat menghasilkan satu rumusan yang selaras dan satu pakatan negara Islam sebagai tindakan untuk menghadapi Israel. Malangnya, sidang khas tersebut tidak dapat dijalankan kerana tidak cukup koram. Namun demikian Malaysia telah pula memainkan peranan yang aktif serta menghadiri Mesyuarat menteri-menteri Luar Negara-negara Berkecuali di Nicosia, Cyprus pada 15hb-17hb Julai, 1982 untuk membincangkan masalah yang sama;
- (ii) Kerajaan juga telah menghulurkan bantuan dengan segera sebanyak M\$100,000 kepada mangsa-mangsa serangan Israel di Lebanon;

- (iii) Kerajaan telah menubuhkan "Tabung Bantuan Kemanusiaan kepada Mangsa-mangsa Perang di-Lebanon" sebagai menyalurkan serta menyelaraskan derma-derma dari orang ramai kepada mangsa-mangsa tersebut. Pihak RTM juga telah memberi publisiti yang meluas berhubung dengan penubuhan tabung tersebut dan kesengsaraan yang dialami oleh mangsa-mangsa perang Lebanon itu;
- (iv) Kementerian Luar juga telah menghubungi Pusat Islam minta agar semua masjid di seluruh negara mengadakan khutbah khas hari Jumaat bagi menimbulkan kesedaran masyarakat Islam di negara ini ke atas kesengsaraan yang menimpa rakyat Palestin akibat serangan ganas Israel itu.

Ringkasnya, Malaysia akan terus-menerus berdiri teguh dan bertindak tegas selaras dengan hasrat negara-negara lain sehingga kedaulatan dan maruah rakyat Palestin dapat di pulihkan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Setiausaha Parlimen Kementerian Luar setelah seruan-seruan dibuat oleh pucuk pimpinan daripada negara kita, daripada Menteri luar, Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri kita di-Bangsa-bangsa Bersatu, apakah reaksi yang ditunjukkan oleh negara-negara Arab sendiri terhadap pencerobohan di-Lebanon ini demi untuk membantu rakyat Palestin di negara tersebut.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara Arab telahpun mengadakan satu mesyuarat khas di Fez, Morocco dan di sana mereka telah pun buat pertama kalinya menunjukkan sikap kompromi di antara satu dengan lain dan telah menghasilkan suatu formula yang dinamakan "Fez Formula" dan telahpun menghantar satu rombongan ke Amerika Syarikat untuk berunding dengan pihak Amerika Syarikat bertujuan untuk mencari satu penyelesaian di Lebanon dan juga mengenai masalah Palestin.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita tadi bahawa di antara tindakan yang diambil oleh negara kita terhadap Israel ialah mengutuk Israel ini di forum-forum antarabangsa. Jadi, saya inggin tahu sama ada benar ataupun tidak bahawa dalam persidangan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang berlangsung sekarang ini, Malaysia kita menolak satu usul yang hendak menggugurkan Israel daripada menjadi ahli pertubuhan yang berkenaan. Jadi, adakah tindakan ini berlainan dengan pendirian kita?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soal tidak menyokong usul untuk memecat Israel di-pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu tidak timbul kerana usul itu tidakpun sampai ke peringkat untuk dibahas dan diperundingkan. Namun demikian, pendirian kita di atas isu-isu seperti ini adalah berdasarkan apakah tindakan yang seelok-eloknya untuk memajukan kepentingan rakyat Palestin dan bukanlah untuk menjadi hero ataupun jagoh. Kita juga dari masa kemasa mendapat panduan dalam isu-isu seperti ini dari perasaan dan hasrat negara-negara Islam yang lain khususnya dari negara-negara Arab. Dalam soal pemecatan Israel ini ada satu pandangan yang merasakan bahawa jika Israel dipecat ianya akan terbebas dari sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan juga dari menghadapi opinion antarabangsa, dan ada pula pandangan yang sebaliknya. Tetapi sungguhpun soal pemecatan ini tidak timbul, Malaysia telahpun bersama-sama dengan negara-negara Islam yang lain menghantar satu deklarasi kepada Jawatankuasa Tauliah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga kepada President pertubuhan itu yang merakamkan kesangsian dan keraguan kita tentang keahlian Israel dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

HAKMILIK TANAH KAMPUNG-KAMPUNG BARU

11. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa

kampung-kampung baru diwujudkan 30 tahun yang lalu, akan tetapi Kerajaan masih belum mengeluarkan hakmilik tanah kepada semua penghuni kampung baru, dan jika ya, apa tindakan beliau akan ambil mengenai perkara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan dengan tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, pengeluaran hakmilik tanah kepada penghuni-penghuni kampung baru adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk menimbangkannya. Kementerian ini telah berhubung dengan Kerajaan Negeri dan telah diberitahu bahawa semua negeri di Semenanjung Malaysia sedang mengambil tindakan untuk mengeluarkan geran hakmilik kepada penghuni-penghuni kampung baru yang layak. Penghuni yang layak mesti memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa negeri seperti kewarganegaraan, tempoh bermastautin di kampung dan sebagainya. Juga difahamkan bahawa tindakan sedang diambil untuk menukarkan geran tanah TOL di setengah-setengah kampung-kampung baru kepada geran tetap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan tempoh hakmilik bagi penduduk-penduduk di kampung baru akan berakhir pada tahun 1990 dan sekarang kita telah dengar bahawa adanya seorang Ahli Exco di Negeri Selangor yang menyeru penduduk-penduduk di kampung baru untuk memohon bagi melanjutkan tempoh hakmilik bagi 60 tahun lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar tentang soalan ini?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tidak sedar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat Menteri telah memberitahu bahawa pengeluaran hakmilik tanah itu adalah kuasa di peringkat negeri.

Saya ingin tahu atau minta Yang Berhormat Menteri bolehkah mengarahkan pihak negeri melanjutkan tempoh itu secara automatik?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat kuasa mengarahkan Kerajaan -kerajaan Negeri tetapi atas hal ini saya boleh berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah itu.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan rumah-rumah yang ada di dalam kampung baru itu dibina dalam masa darurat iaitu merupakan rumah-rumah yang dibina pada masa itu untuk kegunaan sementara. Maka hakmilik yang telah diberi oleh negeri masing-masing berlainan iaitu dalam lingkungan 15 tahun, 20 tahun, 25 tahun dan setengahnya 30 tahun. Adakah Kerajaan Pusat akan mencadangkan supaya hakmilik itu diselaraskan dan adakah hakmilik itu wajar diberi kepada penghuni-penghuni kampung-kampung baru ini selama 99 tahun sebagaimana yang diberi kepada kawasan-kawasan kediaman di tempat-tempat biasa.

Soalan tambahan yang kedua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup itu dahulu.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa oleh kerana kampung baru ini wujud ketika darurat sejak 20 atau 30 tahun dahulu, sekarang darurat sudah tidak wujud lagi. Apakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan kampung-kampung baru ini dan membiarkan penduduk-penduduk kampung baru ini memohon untuk mendapat rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kementerian sendiri?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian yang kedua rancangan rumah kos rendah itu memang

dilaksanakan oleh Kementerian saya. Berkenaan dengan bahagian yang pertama, tidak ada rancangan berbuat begitu.

Dato Lee Kim Sai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kawasan untuk sesebuah rumah....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pendekkan soalan, please.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya memberi sedikit latar belakang. Kawasan sesebuah rumah di dalam kampung baru itu sempit, lebih kurang 40' x 70'. Jadi apabila mereka hendak buat rumah sekarang, mengikut Peraturan Kerajaan Tempatan (Local Government By-law), hendak set aside 20' untuk frontage, belakang 10'—bekas Menteri Besar ada di sini—kiri-kanan 10' dan 10'. Jadi, tolak hadapan, belakang, kiri-kanan, kawasan yang boleh buat rumah itu terlalu kecil sehingga tidak boleh mendirikan sebuah rumah untuk keluarga yang sesak sekarang. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan Pusat mengambil tindakan supaya kampung baru-kampung baru yang saya sebutkan itu kalau terjatuh di dalam kawasan Kerajaan Tempatan diberi kelonggaran supaya tidak dikenakan syarat 20 kaki dikehendaki simpan untuk frontage dan sebagainya.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar tentang perkara itu dan tindakan telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya dengan berbincang dengan pihak berkuasa di peringkat Negeri untuk menyelesaikan masalah itu.

DASAR EKONOMI BARU— KEJAYAAN BUMIPUTERA

12. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh kaum Bumiputra dan hasil Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kaum bumiputra telah mencapai kemajuan dalam bidang-bidang tertentu dari segi pencapaian matlamat Dasar

Ekonomi Baru. Walaupun demikian, pencapaian kemajuan ini masih perlu dipertingkatkan dan usaha-usaha sedang dipergiatkan oleh Kerajaan ke arah ini.

Di antara kemajuan yang telah dicapai oleh kaum bumiputra adalah seperti berikut:-

Dari segi pemilikan saham dalam sektor "corporate" bahagian kaum bumiputera telah mencapai ke tahap 12.4% berbanding dengan 4.3% dalam tahun 1971. Dari segi pembasmian kemiskinan pula peringkat kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri dari kaum Bumiputra, telah dapat dikurangkan dari 58.7% dalam tahun 1970 kepada 37.7% dalam tahun 1980.

Kemajuan juga boleh diukur dari segi bahagian kaum bumiputra daripada jumlah pekerjaan dalam berbagai sektor ekonomi. Umpamanya, dalam sektor perladangan (estet) bilangan pekerja-pekerja Bumiputra telah bertambah dari 74,279 atau 27% dalam tahun 1970 kepada 95,830 atau 38% dalam tahun 1980. Dalam sektor perlombongan pula bilangannya bertambah dari 11,410 atau 28.6% dalam tahun 1980. Begitu juga bagi sektor pengangkutan (road haulage and bus companies) bilangannya bertambah dari 3,640 atau 30.8% dalam tahun 1970 kepada 10,000 atau 40.8% dalam tahun 1980.

Penyertaan kaum Bumiputra juga terus meningkat di dalam sektor-sektor bukan syarikat dengan adanya program-program latihan, bantuan kredit, kawasan-kawasan tempat perniagaan tertentu dan lain-lain langkah pentadbiran yang telah dijalankan oleh Kerajaan, khasnya oleh agensi-agensi amanah, yang telah ditubuhkan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Sebagai contoh kira-kira 22,000 bumiputra telah mendapat latihan keusahawan menjelang akhir tahun 1980 berbanding dengan hanya kira-kira 2,200 orang sahaja bagi tahun 1973. Seramai kira-kira 11,500 orang lagi telah mendapat faedah daripada program khidmat nasihat. Di samping itu kaum Bumiputera juga telah mendapat bahagian yang lebih besar di dalam bantuan kredit. Bahagian mereka di dalam pinjaman dan pendahuluan dari bank-bank

perdagangan telah meningkat dari \$149.3 juta atau 5% dalam tahun 1971 kepada \$4,780 juta atau 20.6% dalam tahun 1980.

Sungguhpun kemajuan yang telah disebutkan ini adalah dianggap memuaskan, kaum Bumiputra masih perlu berusaha mengatasi masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan yang sedang dan akan dihadapi dipihak mereka sendiri. Kerajaan masih mengharapkan kaum Bumiputra menggunakan sepenuhnya peluang-peluang perdagangan dan perniagaan yang ada dengan penuh minat dan jujur di samping sentiasa berusaha dengan tekun meningkatkan daya pengeluaran dan tingkat pengurusan serta kemahiran mereka di dalam bidang ini. Dalam hubungan ini, Kerajaan menganggap bahawa penyertaan kaum Bumiputra setakat ini iaitu seramai 990,796 orang di dalam Skim Amanah Saham adalah memuaskan dan di jangka jumlah pelaburan di dalam skim ini akan mencapai satu juta orang menjelang akhir tahun ini. Bagi pihak Kerajaan, program-program untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dan kewangan di negara ini akan terus dipergiatkan di samping mencari langkah-langkah baru bagi menggiatkan lagi penyertaan mereka sendiri di dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 7, 9, 13 hingga 16 adalah diberi di bawah ini)

KEMELESETAN EKONOMI

4. Dato' Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa dengan adanya kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara ini, pihak Kementerian telah bertindak mengurangkan penyediaan ubat-ubat kepada pesakit-pesakit dan jika ya, adakah beliau bercadang untuk membatalkan tindakan tersebut supaya sesuai dengan amalan memberi rawatan yang sempurna kepada rakyat jelata di negara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Walaupun negara ini sedang menghadapi kemelesetan ekonomi, Kementerian Kesihatan tidak akan mengambil apa-apa langkah yang akan mengurangkan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian yang sedang diberikan kepada rakyat. Tentang ubat-ubatan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kesihatan sejak beberapa tahun dahulu telah mengadakan satu "standard list" ubat-ubatan untuk digunakan di semua hospital-hospital di seluruh Malaysia. Senarai ini meliputi semua jenis ubat-ubatan yang biasa digunakan dalam hospital. Amalan ini ialah selaras dengan syor-syor yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) supaya semua negara mengkaji semula sistem penggunaan ubat-ubatan demi untuk menyeragamkan ubat, mengurangkan ubat-ubat rawatan polytherapy di samping menggalakkan penggunaan ubat-ubat "generic" seberapa yang boleh dan tidak memilih ubat mengikut nama perniagaannya (trade name).

Bagi tujuan ini dan untuk mengelakkan pembaziran, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar Perunding Kanan dari berbagai disiplin, untuk meneliti secara mendalam mengenai masalah penggunaan ubat serta menasihatkan cara-cara untuk memperbaiki sistem yang diamalkan sekarang.

Dengan peruntukan kewangan yang terhad masa ini, ubat-ubatan yang tidak terdapat di dalam "standard list" mungkin tidak akan dibeli, tetapi ini tidak akan menjejaskan rawatan perubatan bagi pesakit-pesakit dalam hospital-hospital kerajaan.

BA'KELALAN—MEWARTAKAN

7. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan ramai bilangan penduduk-penduduk Kalimantan Indonesia melawat Ba'Kelalan (sebuah kampung di daerah Lawas, Bahagian Kelima Sarawak) tiap-tiap hari adakah Kerajaan Malaysia akan

mewartakan Ba'Kelalan sebagai tempat kemasukan (gazetted entry point) sah di bawah Seksyen 5 Akta Imigeresen, 1956).

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kerajaan belum lagi bercadang untuk mewartakan Ba'Kelalan sebagai pintu masuk yang sah di bawah Seksyen 5 Akta Imigeresen, 1956. Ini adalah disebabkan wujudnya beberapa pintu masuk yang sah di kawasan yang berhampiran seperti di Bario dan di Lawas, yang mana adalah dirasakan mencukupi buat masa ini. Walau bagaimanapun, kerajaan sedia menimbangkan semula perkara ini pada masa hadapan sekiranya ianya didapati perlu.

ALIRAN AGAMA DISEKOLAH UGAMA

9. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerianya bercadang hendak menjadikan "aliran agama" sebagai satu aliran pengajian di sekolah-sekolah Menengah seperti aliran sains, sastera dan perdagangan.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Pada amnya Kementerian Pelajaran tidak mengadakan "aliran agama" sebagai satu aliran pengajian di semua sekolah-sekolah Menengah. Tetapi di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama, matapelajaran untuk pelajaran agama adalah lebih luas dan meliputi Bahasa Arab serta pengetahuan Agama Islam Tinggi yang mengandungi Tajwid, Quran, Hadis, Mustalah Hadis, Fiqah, Usul Fiqah, Sejarah, Tauhid dan Akhlak. Sementara pelajaran agama di sekolah biasa hanya meliputi Tauhid, Ibadat, Sejarah Islam serta Ayat Quran dan Hadis.

PEGAWAI PERKHIDMATAN PELAJARAN—KENAIKAN PANGKAT

13. **Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah ramai Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Malaysia

yang naik pangkat bagi tiap-tiap Kategori C1, C2, T1, T2, T3 dan D1, dengan adanya susunan semula pentadbiran Jabatan Pelajaran di peringkat Kementerian, Negeri dan Daerah baru-baru ini.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Yang sebenarnya apa yang sepatutnya dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah "susunan semula pentadbiran" yang meliputi peringkat Negeri dan Daerah kerana penyusunan semula tidak meliputi pentadbiran di peringkat Kementerian. Pengwujudan jawatan-jawatan baru dengan itu adalah melibatkan Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bilangan jawatan-jawatan kenaikan pangkat mengikut pecahan kategori yang terlibat di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah ialah seperti berikut:

Jabatan Pelajaran Negeri:

Kategori D1	92 jawatan
Kategori C1	102 ,,
Kategori C2	284 ,,
Kategori T1	13 ,,
Kategori T2	14 ,,
Kategori T3	12 ,,
Jumlah	517 Jawatan

Pejabat Pelajaran Daerah:

Kategori D1	57 jawatan
Kategori C1	49 ,,
Kategori C2	223 ,,
Jumlah	329 ,,
Jumlah Besar	846 jawatan

FELDA—PENYERTAAN BUKAAN BUMIPUTERA

14. **Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) Sama ada beliau sedar bahawa di bawah Dasar Ekonomi Baru (D.E.B) lebih ramai bukan bumiputra seharusnya

digalakkan di dalam sektor pertanian dan satu cara ialah melalui pengenalan bukan bumiputra ke dalam Rancangan Tanah Felda;

- (b) Kenapa dalam kebanyakan rancangan tanah Felda selepas banyak tahun sejak pengenalan D.E.B., komposisi bukan bumiputra adalah kurang daripada 10% sungguhpun ada satu senarai panjang bukan bumiputra, khasnya daripada kawasan pilihanraya saya dahulu iaitu Bidor, yang hendak menyertai rancangan-rancangan Tanah Felda; dan
- (c) Apakah tindakan beliau ambil terhadap pegawai-pegawai yang sengajanya menyembunyi fakta-fakta pengambilan mengenai pemohon-pemohon bukan bumiputra.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):

- (a) Bagi menjawab soalan (a), suka saya menegaskan di sini bahawa saya amat sedar di atas hasrat dan cita-cita D.E.B. ini dan bagi makluman Yang Berhormat kaum bukan-bumiputra sudah dan sedang diperkenalkan ke Rancangan Tanah Felda. Usaha untuk menambah bilangan mereka sedang giat dijalankan.
- (b) Sebenarnya minat pihak bukan-bumiputera untuk menyertai Rancangan Felda cuma baru sahaja timbul dan dukacita dimaklumkan bahawa ianya cuma timbul sesudah bilangan tempat yang ada di dalam Rancangan FELDA untuk ditempatkan mereka mula berkurangan. Bagi makluman Yang Berhormat bilangan peneroka yang telah dipilih tetapi belum dapat ditempatkan di dalam Rancangan FELDA adalah amat ramai dan mereka yang menunggu untuk ditempatkan itu bukan sahaja terdiri daripada golongan bukan bumiputera tetapi juga orang Melayu sendiri. Ada daripada mereka ini telah menunggu sejak dari tahun 1974 lagi.

- (c) Sepanjang yang saya maklum tidak ada pegawai-pegawai yang sengaja menyembunyi fakta-fakta pengambilan mengenai peneroka-peneroka bukan bumiputera kerana fakta ini boleh didapati daripada Kementerian saya atau Felda. Kedudukan penempatan peneroka Felda juga ada dimaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan melalui pembentangan Laporan Tahunan FELDA ataupun jawapan kepada soalan yang dibentangkan oleh Ahli-ahli.

MAS—KERUGIAN 1981-1982

15. Dato' Michael Chen Wing Sun minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab mengapa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah mendapat kerugian sebanyak M\$39 juta bagi tahun kewangan 1981-1982 dan apakah langkah-langkah positif telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon): Jawapan kepada pertanyaan ini telah pun diberikan pada 26hb Oktober, 1982 yang lalu di Dewan Yang Mulia ini, iaitu semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang. Oleh itu, saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

KAPALTERBANG SKYHAWK

16. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa 88 buah kapalterbang Skyhawk yang dibeli oleh Kerajaan tidak diubahsuaikan untuk kegunaan Tentera Udara Diraja Malaysia; berapakah harga pengubahsuaian bagi sebuah kapalterbang; mengapa perkara-perkara ini tidak dirancang dengan terlebih dahulu kerana semakin lama pertanggunguhan berlaku semakin tinggi perbelanjaannya.

Menteri Pertahanan (Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad): Saya telah pun menjawab soalan yang lebih kurang sama dengan soalan ini ketika menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Jerai pada 19hb. Oktober 1982. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (1hb November, 1982).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa usul yang berikut ini merujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulan wang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diutamakan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (1hb November, 1982).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Betong untuk menyambung ucapannya.

3.36 ptg.

Datuk Alfred Jabu Anak Nupang (Betong): Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan semalam, baru-baru ini di merata

tempat di Sarawak dilanda oleh kemarau teruk yang berpanjangan lebih tiga bulan, bulan Mei hingga ke bulan September, 1982. Ramai penduduk di luar bandar yang menanam padi bukit akan menghadapi kesusahan disebabkan pendapatan hasil daripada padi huma dianggap akan merosot. Disebabkan ini, ramai rakyat dari Sarawak kini terpaksa meninggalkan kampung halaman dan berhijrah sementara ke negara jiran mencari kerja-kerja sebagai buruh di Brunei, Singapura atau Timur Tengah di mana gaji yang di perolehi oleh mereka lebih lumayan dan lebih lagi memuaskan.

Di kawasan luar bandar di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, sepanjang waktu kemarau teruk tiga bulan itu penduduk di luar bandar terpaksa minum air kotor yang menjejaskan kesihatan mereka. Di waktu itu perigi-perigi ataupun telaga-telaga semuanya kering langsung tidak ada mengandungi air. Semasa itu rakyat menderita, anak-anak sungai boleh dikatakan hampir kering semuanya.

Kemudahan-kemudahan perjalanan menggunakan perahu-perahu ataupun bot-bot memang tersekat atau tidak dapat melintasi sungai-sungai itu. Oleh kerana bencana alam ini terdapat di tempat-tempat tertentu, bekalan makanan-makanan yang biasa dihantar menggunakan bot ataupun perahu dari bandar ke sekolah-sekolah berasrama di hulu sungai tidak sampai ke sekolah-sekolah tertentu itu, mengakibatkan anak-anak sekolah di tempat itu kekurangan makanan. Di waktu itu ada juga bilik-bilik darjah (classes) terpaksa sementara ditutup demi kepentingan kesihatan murid-murid kerana kekurangan air minum. Akibat yang besar daripada bencana kemarau teruk ini tentu akan mengganggu kehadiran (attendance list) murid-murid di bangku sekolah. Ini sudah tentu akan menjejaskan mutu kejayaan (result) akan merosot masa menghadapi peperiksaan SRP, MCE atau STP.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedari bahawa dalam keadaan bencana kemarau teruk ini maka Sarawak tidak layak dibantu dengan perkhidmatan kapalterbang yang

menjalankan 'cloud seeding' memanggil hujan atau membibitkan titisan hujan dalam awan yang pernah dibuat di kawasan MADA di Kedah, di Ulu Klang di dalam kawasan drainage and irrigation, di Klang Gate catchment area memerlukan air hujan daripada cloud seeding untuk mengelakkan berlaku akibat bencana kemarau di masa hadapan, saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan kementerian-kementerian yang berkenaan menumpukan perhatian berat terhadap Sarawak supaya memperluaskan kemudahan mencari air tawar dari sumber bawah tanah (ground water survey) dan mempercepatkan implementasi bekalan air secara gravity atau Artesian atau secara pump di merata tempat terutama sekali di luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dilaporkan banyak projek kecil untuk membekalkan air iaitu keperluan untuk harian di luar bandar di Sarawak walaupun sudah diluluskan daripada aspek teknikalnya tetapi masih belum lagi diimplementasikan. Saya berpendapat projek yang bercorak diperlukan setiap hari oleh manusia (every-day essential) patutlah diimplementasikan dengan segera disebabkan air minum yang bersih adalah punca kesihatan untuk keluarga terutama untuk bayi-bayi dan orang-orang yang meningkat usia di mana terdapat natural resistance to disease is low. Supaya laungan saya ini dapat lebih lagi berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan seberapa yang boleh meminta ataupun mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar melawat ke Sarawak untuk memastikan keadaan yang saya sebutkan ini adalah betul-betul memerlukan tindakan yang segera daripada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, hampir semua kawasan di Sarawak boleh diiktirafkan kawasan yang lebih ulu kawasan yang terletak di luar bandar sama sekali. Di kawasan yang terpencil hanya binatang liar sahaja yang didapati. Bermakna kawasan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah jauh dan susah dihubungi.

Dari pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, apabila diimplementasikan projek kita tidak semata-mata berpandukan 'paper work' atau 'straight calculation' sahaja. Kita mesti mengkaji keadaan setempat sebelum kita menetapkan yardstick ataupun ukuran yang boleh kita gunakan.

Saya sebutkan perkara ini oleh kerana berlakunya di tempat-tempat yang tertentu di Sarawak di mana projek itu bukan sahaja mengambil masa agak begitu panjang tetapi terlampau menelan belanja yang terbesar yang mungkin kedua-dua faktor itu dapat dielakkan sekiranya keadaan se tempat ini diambil kira semasa menimbang tawaran (tender). Umpamanya, dan satu projek di Ulu Sungai Baram di mana satu sekolah menengah Kerajaan semasa tendering process terpaksa di 're-tender' sehingga apabila tender diterima nilai tender itu jauh melebihi nilai tender yang ditolak semasa pembukaan/pemeriksaan tender yang pertama.

Proses ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja menyebabkan kelewatan implementasi tetapi harus dicatat low performance at computer center in the Prime Minister's Department di Kuala Lumpur dan juga satu perbelanjaan yang besar. Ini merupakan inefficiency. Dengan adanya berlaku perkara seperti itu permohonan dari negeri Sarawak akan menjadi kurang diberi keutamaan apabila Kerajaan Negeri memohon peruntukan kewangan untuk ditambah permohonan seperti itu terpaksa akan ditolak kerana berdasarkan wang dibelanjakan 'percentage achievement' atau keupayaan implementasi (implementing capacity dianggap berkurangan. Di sini saya mengesyorkan dengan seberapa yang boleh supaya memberi flexibility. Jika tidak ada flexibility maka saya khawatir hasrat pentadbiran 2M tidak akan berjalan dengan licin.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini di kawasan luar bandar yang terpencil, maaf saya sebutkan kawasan itu, seperti di berbagai tempat di Sarawak, di Bario, di Ba'Kelalan, di Belaga, di Ulu Baram, di Long Semado. Berbagai jenis makanan dan bahan binaan perlu dihantar menggunakannya

kapal terbang "STOL" (short take off landing requirement) jenis sky-van sebab ketiadaan jalanraya menghubungkan kawasan tersebut. Harga-harga barang makanan atau barang-barang lain jauh melebihi harga yang didapati di bandar-bandar.

Secara bandingan, di sini, saya ingin melaporkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai barang-barang perlu iaitu harga satu kampil simen dijual di Bario lebih kurang \$80.00. Harga satu gelen minyak (walaupun kita pakai sistem metrik sekarang tetapi conversionnya 4.2 litres 1 gallon) harganya kira-kira \$16.00. Harga minuman seperti Coca-cola hampir \$3.00 se botol. Kenaikan harga barang-barang yang saya sebutkan itu di sebabkan kos yang mahal untuk menyewa ataupun charter kapal terbang dari pusat-pusat seperti Miri atau Limbang. Kadang-kadang kapal terbang tidak dapat mendarat. Banyak kali perhubungan antara kawasan di pinggir gunung ini ataupun di pinggir hutan ini terputus, terutama di musim tengkujuh, bermakna bahan-bahan hidup seharian langsung berkurangan. Apakala berlaku keadaan seperti ini penduduk-penduduk terpaksa berjalan kaki lebih satu minggu turun ke bandar untuk membeli makanan yang perlu ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan seperti ini adalah dilaporkan ataupun disedari oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita semasa beliau melawat ke Bario iaitu dataran tinggi ataupun tanah tinggi Kelabit pada 16hb Ogos, 1982. Kesemua kerumitan dan masalah perhubungan di kawasan terpencil adalah difahami oleh Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Perdana Menteri kita. Kami di Sarawak berharap semua Ahli Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk juga Pegawai Kanan Kerajaan sering melawat ke Sarawak supaya belajar dan meneliti dengan mata kepala sendiri segala kerumitan-kerumitan yang dialami oleh penduduk di luar bandar di Sarawak. Saya berharap juga apakala mereka diberi peluang dipertanggungjawabkan memberi tafsiran anggaran peruntukan projek pembangunan di kawasan itu, mereka dapat dengan sepenuh mengambil kira faktor

kepencilan (isolation) berkenaan dengan transportation difficulty dari segi kos. Keistimewaan ini boleh kita sebutkan keistimewaan setempat ataupun ala-Sarawak. Semasa menjalankan tugas pejabat-pejabat Kerajaan memerlukan effective coverage termasuk total coverage dan frequency of supervision.

Di Sarawak, Kerajaan Negeri turut bersama-sama dengan Kerajaan Pusat mengamalkan tabiat jimat-cermat sehingga sebahagian daripada pejabat-pejabat memerintahkan perjalanan bermalam semasa menjalankan tugas dikurangkan disebabkan kekurangan wang untuk pembayaran tuntutan (travelling allowance claim). Ini bermakna hubungan antara Kerajaan dengan rakyat akan terputus apabila jarang dilawati maka bertambahlah problem sungutan dari luar bandar. Ini akan menimbulkan penyakit.

Pihak Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, akan menimbulkan isu-isu seumpamanya rakyat di luar bandar tidak diambil peduli oleh Kerajaan, sedangkan mereka sendiri memahami Kerajaan Barisan Nasional selama ini sentiasa memelihara keperluan rakyat di merata tempat di Sarawak. Pihak Pembangkang hanya mencari kelemahan jentera pentadbiran dan memburukkan nama Kerajaan sahaja, tetapi mereka lupa bahawa mereka sendiri perlu berjimat-cermat apakala negara kita ditempuhi oleh akibat kemelesetan ekonomi dunia. Tentang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Kementerian berkenaan dengan izin peruntukan "transport and travelling" tidak sama sekali dibekukan ke tempat-tempat di mana urusan mereka diperlukan. Di samping kita membangunkan negara terdapat di merata tempat di luar bandar di Sarawak rancangan pembangunan masih lagi belum memuaskan. Misalnya projek-projek yang berasaskan keperluan seharian seperti rancangan pemulihan kampung, pembekalan air, rancangan pembekalan elektrik luar bandar dan rancangan jalan kecil dalam kampung. Rakyat di Sarawak memohon dengan seberapa yang boleh kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan lain-lain Yang

Berhormat Menteri-menteri melawat sambil mempelajari keadaan di Sarawak yang agak jauh perbezaan dari Semenanjung Malaysia.

Satu perkara yang kini sangat menyedihkan dan meningkat serius sekiranya lewat diambil perhatian oleh pihak berkenaan iaitu mengenai Sijil Kelahiran. Saya yakin memang ada pegawai-pegawai ditugaskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara di peringkat daerah ataupun daerah kecil, akan tetapi, dengan izin, effective coverage, tugas mereka belum lagi mencukupi dipandang dari segi luasnya kawasan dan kerumitan ketidakadanya jalanraya dan betapa jauhnya kampung-kampung atau rumah panjang terletak di hulu sungai atau di tepi laut. Ini menyebabkan penduduk-penduduk di luar bandar kurang mampu, tidak berupaya melaporkan kelahiran anak-anak ke Pejabat Kerajaan oleh kerana tambang turun ke pejabat begitu mahal. Maka dengan yang demikian ramai anak-anak yang dilahirkan di ulu sungai ataupun di luar bandar tidak sempat dilaporkan dengan segera, bermakna mereka ini akan hanya menunggu pengeluaran Sijil Kelahiran, dengan izin, late registration. Pengeluaran sijil ini akan mengambil masa yang agak panjang, apakala anak-anak yang disebutkan saya ini memerlukan Sijil-sijil Kelahiran itu semasa mereka memasuki sekolah atau menyertai peperiksaan am seperti SRP, SPM dan STP mereka ini menghadapi sebarang kerumitan, mungkin tidak dapat diterima menyertai peperiksaan itu tanpa mengeluarkan Sijil Kelahiran.

Di sini saya ingin mengesyorkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya ramai lagi pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara ditugaskan di luar bandar jangan hanya sahaja duduk di pejabat. Langkah ini akan memperbaiki pendekatan Kerajaan Barisan Nasional kita dengan rakyat, dengan izin, improve the mode of approach from our Government.

Tuan Yang di Pertua, mengenai penyiaran televisyen saluran kedua atau, dengan izin, second channel ke Sarawak dan Sabah, saya ingin menyambung perhubungan antara saya dengan Yang Berhormat Menteri Penerangan tempohari supaya dapat memasukkan bahasa tempatan di Sarawak seperti bahasa Iban dan

bahasa tempatan dari lain kaum. Ini adalah perlu dari segi integrasi untuk menggalakkan sebahagian ramai rakyat kaum bumiputra di Sarawak dapat menikmati ataupun menuntun serba sedikit siaran bahasa tempatan digunakan menerusi siaran televisyen. Sekiranya permohonan ini dapat dipertimbangkan oleh pihak Menteri yang berkenaan, maka rakan-rakan kita di Semenanjung Malaysia dan di Sabah dapat diperkenalkan dengan bahasa tempatan yang digunakan oleh sebahagian ramai rakyat di Sarawak.

Secara am, Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyentuh kesemua pihak Kementerian yang berkenaan iaitu berkaitan dengan pengambilan ataupun pembelian tanah untuk projek di bawah jagaan Jabatan Persekutuan dalam negeri. Memandang kepada syarat-syarat yang dikehendaki memproseskan dan mengimplimentasikan pengambilan tanah mengikut Kanun Tanah Negeri Sarawak.

Di sini saya mengesyorkan supaya waran peruntukan untuk pembelian tanah hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Ukur Negeri Sarawak, selewat-lewatnya penghujung bulan Septembar tahun itu, jika boleh awal tahun itu. Sekiranya waran peruntukan ini diterima lewat daripada tarikh yang tersebut, maka agak sukar pihak kakitangan Jabatan Tanah dan Ukur menjalankan tugas untuk menyiapkan pengambilan tanah itu menjelang penghujung tahun. Maka dengan kelewatan waran peruntukan disampaikan kepada Jabatan Tanah dan Ukur banyak projek yang memerlukan pengambilan tanah akan terbengkalai.

Saya juga ingin mengambil kesempatan semasa perbahasan belanjawan tahun 1983 menyentuh tentang perkara mengenai pelajaran di Sarawak. Kita rakyat di Sarawak berterima kasih atas usaha-usaha Kementerian Pelajaran mengendalikan projek-projek membangunkan sekolah-sekolah di merata tempat di Sarawak di mana ramai murid-murid menikmati peluang belajar di bangku sekolah, peluang yang mereka perolehi sejak Sarawak merdeka dalam Malaysia. Sebagai satu seruan kepada

Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk mempercepatkan dan melicinkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, dengan izin, medium of instruction supaya Ahli-ahli dari Sarawak dalam dewan yang mulia ini dapat berucap dalam Bahasa Malaysia termasuk Ahli daripada DAP juga sebagai bahasa pengantar. . . .

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat!

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(*Ahli-ahli dikira: 26 ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup! Yang Berhormat, lain kali sila check dahulu sebelum mengatakan tidak cukup koram, sila duduk. Yang Berhormat sambung ucapan.

Datuk Afred Jabu Anak Numpang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mungkin belum fasih lagi menghitung dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, sebagai satu syor kepada Kementerian Pelajaran saya ulangi, lagi, untuk mempercepatkan dan melicinkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, dengan izin, medium of instruction di Sarawak, saya mengesyorkan lebih ramai lagi guru-guru dilatih dalam Bahasa Malaysia dan ditugaskan di luar bandar atau di merata tempat di Sarawak termasuk juga di Bandar Sibuan dan di bandar Kuching supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP boleh mempelajari Bahasa Malaysia yang kita akan gunakan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di beberapa tempat yang tertentu terdapat kemudahan-kemudahan seperti rumah-rumah sekolah termasuk kediaman guru-guru tidak memuaskan menyebabkan guru-guru yang ditugaskan di tempat itu tidak sanggup mengajar di tempat itu. Ini saya anggap perkara yang tidak besar, mungkin kecil kadang-kala keadaan seperti ini memang ada berlaku di sebabkan kekurangan wang untuk membina rumah guru dengan secara yang lebih teratur. Kadangkala guru-guru ditugaskan di luar bandar terus menolak

posting order mereka ke luar bandar dan mereka tidak sanggup berkhidmat di tempat yang terpencil, ini memang ada juga human problem. Dengan adanya berlaku sikap yang tidak baik seperti ini, maka murid-murid sekolah di ulu sungai ataupun di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi mangsa. Mereka akan menjadi ketinggalan dalam pengajaran Bahasa Malaysia. Begitu juga saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya mempercepatkan pembinaan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah di Sarawak untuk mengelakkan sebarang kerumitan, kelewatan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar dalam sekolah di Sarawak.

Tuan Yang Dipertua, sekarang saya ingin memberi penjelasan berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Saya hairan beliau ini pura-pura sahaja mengutarakan berbagai masalah yang beliau katakan masalah orang Dayak yang diperbezakan oleh Kerajaan dari golongan orang bumiputra yang lain.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *Hansard* hari Khamis, 28-10-1982 muka 98;

"They are the real indigenous people of Sarawak but right now, they can at best be regarded as second-class bumiputras." Perkataan oleh Yang Berhormat dari Bandar Sibuan ini bukan sahaja menimbulkan perasaan perkauman tetapi perkataan ini menunjukkan seolah-olahnya gambaran yang tidak betul. Memang diperakui di banyak tempat di Sarawak, terutama sekali di luar bandar seperti saya sebutkan tadi, terdapat kegiatan-kegiatan aktiviti-aktiviti Kerajaan belum lagi mencukupi, akan tetapi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat terus berusaha dengan seberapa boleh menghantar berbagai-bagai aspek pembangunan, misalnya kemudahan pusat kesihatan, klinik desa, sekolah menengah Kerajaan, sekolah rendah Kerajaan, Jabatan Kerajaan ditugaskan di luar bandar seperti Jabatan yang perlu, iaitu Jabatan Pertanian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari DAP yang duduk di

bandar sahaja yang berlaung-laung menganggap mereka berkelayakan (well-qualified) bercakap mengenai perkara di luar bandar, terutama sekali di golongan bumiputra, mereka ini kurang berkelayakan memahami tentang perkara di luar bandar dan pura-pura sahaja bercakap atas perkara mengenai golongan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini dengan adanya bukti semasa Pilihanraya Parlimen bulan April, 1982, DAP di Kuching menentang dan tidak menyokong kegiatan-kegiatan Kerajaan kita mengendalikan projek perumahan kos murah. Yang anih, sekarang Ahli Yang Berhormat dari DAP, dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu, beliau menuduh Kerajaan tidak adil memberikan rumah 70% untuk bumiputra, dengan izin saya quote: "Also the new policy of allocating 70% of the low-cost houses to bumiputras as an unfair method of distribution".

Tuan Yang di-Pertua, tentulah nyata di sini Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu harus berputar suara atau menukar tidak lagi menyokong kepentingan kaum bumiputra yang mana beliau harus ketahui memerlukan rumah. Juga yang anih lagi, apabila rancangan perumahan Borneo Development Corporation di Kenyalang Park di Kuching dan di Rajang Park di Sibu diberikan kepada pemohon-pemohon, hanya 24% sahaja diberi kepada bumiputra sedangkan kaum bumiputra menduduki 70% daripada semua jumlah penduduk (whole population) di Sarawak. Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP tidak ada apa-apa komen sama sekali apabila kaum bumiputera diberi cuma 24% sahaja sedangkan population percentage dari golongan bumiputera adalah 70%. Kenapakah Ahli DAP terdiam-diam sahaja?

Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya Kerajaan memberikan dengan seadil-adilnya rumah-rumah yang dikendalikan oleh Kerajaan mengikut kadar distribusi jumlah penduduk mengikut purata perkauman, iaitu 70% untuk golongan bumiputra. Disebabkan ini maka wakil DAP Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu tidak

patut mempersoalkan pembahagian 70% low-cost ini dianggap unfair jikalau Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibu betul-betul sanggup memperjuangkan nasib bumiputra di Sarawak yang masa kini belum berpeluang mendapat rumah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sikap 'Pandang ke Timur' saya mengalu-alukan dasar ini yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Langkah ini disokong penuh oleh penduduk-penduduk di Sarawak sehingga rakyat di Sarawak tidak mahu ketinggalan sekiranya ada rombongan melawat ke negeri-negeri timur mahupun dalam economic mission ataupun investment mission, seminar, conference ataupun latihan di Jepun ataupun di Korea dan di lain-lain tempat di negeri timur. Begitu juga saya mengesyorkan supaya pengajaran bahasa Jepun, jangan semasa sekarang yang saya diberitahu cuma diajarkan di Kuala Lumpur sahaja. Saya mengesyorkan supaya pengajaran bahasa Jepun dikendalikan di Kampus ITM di Sarawak ataupun di tempat pengajian tinggi di Sarawak supaya kita di Sarawak termasuk juga Sabah tidak ketinggalan mempelajari bahasa Jepun ataupun bahasa-bahasa yang dipakai di timur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga tentang perkara kraftangan, iaitu pertukangan tangan di Sarawak. Di Sarawak terdapat banyak pakar-pakar ataupun juru-juru ukiran ataupun pakar-pakar dari segi anyaman ataupun tenunan tempatan dan pakar-pakar dalam bidang-bidang seni yang lain. Untuk menjaga seni-seni ataupun kepandaian kraftangan, penduduk-penduduk di Sarawak dari hilang ditelan zaman, saya mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan mempercepatkan penubuhan banyak lagi pusat-pusat kraftangan di merata tempat di Sarawak supaya bentuk pertukangan kraftangan ini dapat diajarkan di pusat itu dan juga kraftangan dari kampung ataupun rumah panjang dapat dibeli dan dipasarkan dengan harga yang berpatutan. Kita di Sarawak berpendapat bahawa perkembangan kraftangan mesti diberi galakan seberapa dapat yang boleh seperti di Semenanjung Malaysia. Disamping kita

menjaga untuk mempertahankan, memperkekalkan perkembangan kraftangan di luar bandar, rakyat kita di ulu sungai ataupun di luar bandar perlu juga diberi peluang belajar menulis dan membaca supaya membasmikan buta huruf dan perlu juga diajar ekonomi rumah tangga. Di atas perkara ini saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya ramai lagi guru-guru kelasa dewasa dan guru-guru ekonomi rumah tangga dan guru-guru tadika diambil dari luar bandar di Sarawak di mana terdapat ramai calon-calon ada berkelayakan untuk mengisi jawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengesyorkan seruan daripada rakyat kepada Kerajaan Pusat atas perkara seperti berikut:

Satu, untuk memperluaskan lagi bilangan peserta-peserta dalam rancangan menanam sagu ataupun mulong dan minta ditambah peruntukan kepada Sarawak supaya ramai lagi pekebun-pekebun mulong mendapat hasil untuk menampung kehidupan mereka. Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini sudah diberi jawapan kelmarin, tetapi oleh sebab saya tak dapat peluang mengutarakan soalan tambahan, saya anggap penanam-penanam mulong ataupun sagu di Sarawak sekiranya kita menunggu hasil daripada tanaman dan akan dikaji dalam beberapa masa yang akan datang, dalam 10 tahun ini mungkin perkembangan penanam mulong ataupun subsidi ini tidak akan ditambah dan akibatnya ramai rakyat di Sarawak memerlukan kehidupan seharian bergantung atas hasil daripada mulong mungkin menderita sepanjang masa. Disebabkan ini saya ingin juga meminta kerjasama dari Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya sesudah beliau melawat ke Sarawak, meneliti keadaan di Sarawak mungkin dengan bermurah hati akan memberi peruntukan yang banyak kepada penduduk-penduduk di Sarawak, kita di Sarawak jangan dalam zaman ketinggalan selalu.

Kedua, saya meminta peruntukan dari Kementerian yang berkenaan supaya menambahkan peruntukan membina jalanraya di Sarawak. Jalanraya ini adalah

perlu untuk pengeluaran hasil dari kawasan pendalaman dan juga untuk perhubungan sehari demi sehari.

Ketiga, meminta Kerajaan Pusat dan Kementerian berkenaan supaya hasil pendapatan kaum nelayan dapat meningkat daripada yang mereka perolehi sekarang. Di sini saya meminta supaya subsidi diperluaskan dan ramai lagi nelayan-nelayan dapat subsidi dari perikanan laut.

Keempat, meminta Kementerian Pertanian ataupun MARDI menghantar ke Sarawak biji benih tanaman yang didapati tinggi produktivitinya dengan segera misalnya kelapa mawar, koko, kelapa sawit, gajus dan lain-lain pokok tanam-tanaman. Ini akan menguntungkan golongan pekebun-pekebun di luar bandar.

Kelima, meminta Kementerian yang berkenaan menambah lagi Pusat Memproses Kelapa ataupun Group Processing Centre Getah dan meminta FAMA mengadakan banyak lagi pembelian demi meninggikan mutu ataupun harga pengeluaran hasil tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh apa yang sudah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Di dalam *Hansard* bertarikh 26-10-1982 Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada mengutarakan satu perkara yang disebutkan oleh mereka Occupation Permit (O.P.) mengambil masa biasanya 5 hingga ke 7 tahun. Tuan Yang di-Pertua, gambaran yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ini adalah tidak betul. Saya memberi nasihat kepada Ahli Yang Berhormat DAP dari Bandar Kuching patut memeriksa keadaan ini dengan teliti supaya tuduhan yang tidak berasas ini tidak ditimbulkan dengan secara oversweeping generalisation sahaja.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kanun Tanah Negeri yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching outdated. Sebetulnya Kanun Tanah Negeri adalah di bawah jajaan negeri. Apa-apa pindaan Kanun Tanah Negeri mesti akan dibuat di Dewan Undangan Negeri.

Mungkin disebabkan ketidak adanya Ahli Yang Berhormat dari DAP di peringkat Dewan Undangan Negeri maka mereka terpaksa menyuarakan di Dewan yang mulia ini walaupun ini tidak jadi proper forum tempat mereka mengutarakan perkara-perkara yang tersebut ini. Kerana ada sebab-sebab yang tertentu yang tidak dapat dielakkan yang dianggap perlu oleh Kerajaan maka Kanun Tanah Negeri setakat ini tidak payah diubah. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dalam bahasa Inggeris. (*Dengan izin*). It is felt by State Government that it is not timely yet to amend the State Land Code, because the State Land Code gives good protection especially for the bumiputra communities who have not yet realised the full potential of their land. The Government must protect their rights; otherwise their rights will just be taken away easily, later on they will realise that their children will suffer. Ini hak Kerajaan untuk mengekalkan kedudukan masa sekarang di peringkat negeri Kanun Tanah Negeri dianggap belum dapat dipinda pada masa sekarang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, tahun 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu.

4.15 ptg.

Tuan Yew Foo Weng (menglembu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas ucapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Terlebih dahulu ingin saya melafazkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan atas usaha untuk merangkakan satu dasar kewangan yang begitu waras pada keseluruhannya bagi negara Malaysia untuk tahun 1983 ini. Namun demikian, setelah saya meneliti ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri, saya dapati bahawa terdapat juga beberapa bidang yang perlu saya beri teguran dan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya ingin menyentuh tentang kegiatan perindustrian yang kian bertambah maju di dalam negara kita. Tajuk ini sememangnya adalah satu tajuk yang kompleks dan luas dan saya hanya akan menyentuh tentang satu dua aspek sahaja. Dalam zaman selepas Perangan Dunia kegiatan-kegiatan untuk perindustrian telah meningkat giat. Ini adalah untuk menunaikan hasrat negara Malaysia untuk mempelbagaikan ekonomi supaya tidak terlalu bergantung kepada pengeluaran bijih timah, getah dan lain-lain bahan pengeluaran negara. Cara ini juga kita dapat menunaikan keperluan untuk menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk Malaysia yang semakin bertambah.

Dengan peralihan zaman pendapatan kasar negara kian bertambah dan dengan itu bertambahnya permintaan untuk barangan-barangan terutama sekali barangan-barangan keluaran kilang yang kebanyakannya perlu diimport. Tempo perindustrian di dalam negara Malaysia tidak begitu maju lagi pada perbandingannya. Permintaan terhadap pengeluaran tidak mencukupi. Untuk menunaikan permintaan yang berlebihan ini negara kita perlu mengimport. Dengan adanya keadaan yang seumpama ini tertibullah masalah imbalan pembayaran seperti yang dihadapi oleh negara Malaysia pada masa ini.

Memandangkan kepada keadaan yang seperti ini perlulah Kerajaan menyedari tentang hakikat bahawa kita perlu meningkatkan lagi proses dan usaha perindustrian kerana di atas rancangan perindustrianlah yang kita dapat menghadapi masalah ekonomi dalam struktur ekonomi yang negatif. Perindustrian yang boleh dijadikan sebagai batu asas untuk satu zaman yang progresif bagi negara Malaysia. Melalui proses perindustrian kita dapat menentukan bahawa segala kelebihan tenaga di dalam negara dapat dipergunakan dengan sepenuhnya untuk menghasilkan satu imbalan pembayaran yang lebih sihat lagi. Dengan pendek kata, proses perindustrian dapat meningkatkan daya pengeluaran rakyat Malaysia.

Untuk mencapai cita-cita ini Kerajaan perlu memainkan satu peranan untuk menggubalkan satu rancangan yang strategik untuk perkembangan perindustrian. Titik permulaan yang penting adalah untuk melaksanakan satu rancangan pembangunan negara secara sistematik. Namun demikian, perancangan sahaja tidaklah memadai. Kita perlu menentukan bahawa ianya dapat dilaksanakan dengan berkesan dan cekap. Jentera-jentera pentadbiran yang wujud untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini perlu mengadakan hubungan yang rapat di antara proses penggubalan dan pelaksanaan. Ini dapat dicapai melalui pemeriksaan serta kawalan yang adil dan diadakan dari masa ke semasa dan penyemakan serta penyesuaian untuk mencukupi dalam hal-hal rancangan dan pelaksanaan. Tambahan pula, jika kita ingin mencapai kejayaan dalam proses perancangan, kita perlu memberi keyakinan kepada semua kaum di dalam masyarakat kita bahawa mereka mempunyai peranan masing-masing dalam proses ini. Setiap kaum tidak harus berasa keciwa hasil daripada ketidakadilan dan ketinggalan dalam usaha pembangunan negara.

Pada masa yang lampau pihak swasta memikul satu tanggungjawab yang besar untuk memainkan peranan yang utama di dalam proses pembangunan perindustrian. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kita telah menyaksikan bahawa Kerajaan telah memainkan satu peranan yang lebih aktif di dalam proses perindustrian. Penyertaan ini adalah baik berdasarkan kepada sebab-sebab yang berikut:

- (1) Terdapat beberapa industri yang memerlukan pelaburan modal yang tinggi. Industri-industri yang seumpama ini mungkin menarik perhatian pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri dan perkembangan industri-industri tersebut akan membawa faedah yang besar terhadap struktur perindustrian negara Malaysia.
- (2) Penyertaan Kerajaan di dalam industri-industri yang seumpama ini

akan juga memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur terhadap ekonomi Malaysia.

Namun demikian, untuk menyesuaikan suasana hasil daripada perkembangan perindustrian yang pesat ini, Kerajaan telahpun menggubalkan beberapa garis panduan melalui Industrial Coordination Act 1979. Bagi maksud-maksud untuk melaksanakan garis panduan terhadap isu-isu yang besar ataupun penyertaan pelaburan asing "Foreign Investment Committee" telah diwujudkan. Satu fungsi utama Committee ini ialah untuk menggubal dasar-dasar dan panduan terhadap penyertaan pelaburan asing di dalam semua sektor ekonomi untuk menentukan kejayaan matlamat-matlamat Dasar Ekonomu Baru.

Tujuan-tujuan untuk menubuhkan garis panduan seperti yang saya sebutkan tadi patut dipuji-pujikan. Dengan adanya garis panduan yang seumpama ini kita dapat mengawasi perkembangan rancangan-rancangan perindustrian dan dapat memberi bantuan untuk merumuskan segala masalah yang berkaitan dengan pelaburan asing di dalam negara. Garis panduan-garis panduan ini adalah untuk menyelaraskan pengambilan alih harta dan kepentingan-kepentingan gabungan dan mengambil alih syarikat-syarikat di Malaysia oleh pelabur-pelabur asing. Sungguhpun begitu, terdapat juga beberapa aspek garis panduan seperti yang termaktub di dalam FIC yang tidak begitu menyenangkan. Antaranya adalah berkaitan dengan pembelian harta-harta atau kepentingan yang melebihi satu juga ringgit oleh Syarikat-syarikat Malaysia tempatan di mana syarikat-syarikat tempatan perlu mendapat kelulusan FIC sebelum pemindahan harta benda diluluskan. Saya tidak begitu jelas tentang warasnya kenapa syarikat-syarikat tempatan diletakkan di bawah kawalan FIC. Ini telah menimbulkan perasaan curiga di kalangan pelabur-pelabur tempatan untuk mereka diberi layanan seperti pelabur-pelabur asing. Tambahan pula, pengambilan alih harta benda termasuk pembelian jentera dan loji-loji baru untuk perkembangan dan sebagainya telah

merupakan satu langkah untuk mencegah mereka daripada rancangan-rancangan perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya Kerajaan perlu mengkaji semula perkara ini kerana ianya akan mencegah pelabur-pelabur tempatan dalam rancangan perkembangan mereka kerana sentiasa mendapati bahawa kelulusan FIC mengambil masa yang lama. Ini secara langsung akan menyebabkan kesusahan dan kelewatan dalam rancangan-rancangan pembesaran operasi. Saya hairan tentang langkah yang diambil oleh Kerajaan ini kerana ianya tidak dapat disambut dengan baik oleh pelabur-pelabur tempatan. Kalau tujuannya adalah untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, saya berpendapat bahawa ini tidak diperlukan kerana pencapaian Dasar Ekonomi Baru adalah dijamin melalui syer dan pembahagian penyertaan syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin bahawa Kerajaan akan menyedari tentang hakikat ini. Selaras dengan galakan-galakan yang termaktub dalam ucapan Belanjawan 1983 ini saya berharap galakan tambahan dapat diberi kepada industri-industri tempatan supaya melebihi eksport-eksport mereka. Saya juga yakin bahawa Kerajaan akan menyedari tentang halangan-halangan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membantu mereka di dalam rancangan perkembangan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Belanjawan tahun ini seperti yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan tidak boleh dikatakan sebagai satu strategi Belanjawan yang senang bagi rakyat-rakyat keseluruhannya. Saya katakan sedemikian kerana implikasi-implikasi yang serius yang wujud daripada cadangan untuk meningkatkan kadar cukai jualan dan cukai tokok ke paras 10% masing-masing akan mempunyai implikasi kepada semua sektor-sektor ekonomi Malaysia.

Dalam sektor perumahan, peningkatan cukai jualan dan juga cukai tokok sudah tentu akan membawa tekanan kepada pemaju-pemaju rumah supaya meninggikan lagi harga

jualan rumah-rumah, ini termasuklah rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana. Pemaju-pemaju rumah tidak lagi akan tertarik untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah dengan sekatan harga di bawah paras \$25,000. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum, bahawa seruan Kerajaan adalah untuk sektor pemaju supaya melebihi pembangunan rumah-rumah kos rendah, tetapi nampaknya, Kerajaan telah mengenenipkan kepentingan dan kesusahan mereka di dalam golongan yang berpendapatan rendah dalam pemilihan rumah kos rendah.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga rumah sederhana pada masa ini adalah di paras \$150,000. Dengan harga rumah yang begitu tinggi hanya mereka yang berpendapatan di dalam lingkungan \$4,000 sebulan sahaja yang terdaya menunaikan pembayaran bulanan untuk membeli rumah jenis ini. Kerajaan harus mengingatkan bahawa mereka ini juga perlu untuk menanggung beban cukai pendapatan seperti yang termaktub di dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Dengan yang demikian, saya menyeru pihak Kerajaan meneliti masalah ini dengan sedalam-dalamnya termasuklah langkah-langkah untuk mengecualikan bahan-bahan pembinaan daripada pembayaran jualan dan cukai tolak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang langkah untuk meningkatkan lagi kadar pembayaran cukai jualan terhadap kereta-kereta yang didaftarkan atas nama syarikat, saya ingin menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini tentang kesusahan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan yang menjalankan perniagaan secara sederhana sahaja. Pada hemat saya, adalah tidak adil sekali untuk membebankan pengusaha-pengusaha yang menjalankan perniagaan secara sederhana untuk meringankan beban cukai jalan ini. Mereka mungkin hanya mempunyai satu atau dua kenderaan sahaja dan kenaikan cukai jalan ini tentu akan menambah kesusahan dalam operasi mereka. Dalam pada itu, saya berharap pihak Kerajaan dapat menggunakan kebijaksanaan dalam pelaksanaan cadangan-cadangan untuk meninggikan cukai jalan kepada kereta-kereta yang didaftarkan atas

nama syarikat, dan jika boleh mengecualikan kereta syarikat yang didaftar sebelum 22hb Oktober tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengambil masa yang lebih panjang di dalam Dewan yang mulia ini. Namun demikian, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh sedikit tentang cadangan Kerajaan untuk menghapuskan duti import ke atas komputer. Saya mengalu-alukan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk manghapuskan duti yang sebanyak 25% ini kerana sebagaimana kita sedia maklum, operasi-operasi baik di sektor swasta mahupun di sektor awam sedang giat untuk meningkat kecekapan dan daya pengeluaran. Penghapusan duti import terhadap komputer-komputer ini telah sedikit sebanyak menggalakkan operasi-operasi di sektor swasta dan juga sektor awam untuk menggunakan alat komputer. Namun demikian, jika kita meneliti secara mendalam, hakikatnya ialah bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan ini hanya akan dapat mengurangkan harga komputer lebihkurang 16% sahaja., memandangkan bahawa kadar cukai jualan dan cukai tokok pun telah meningkat ke paras 10%. Oleh yang demikian pengurangan duti import ini adalah sedikit sahaja. Memandangkan bahawa harga komputer di Malaysia adalah lebih tinggi jika dibandingkan harga komputer di Singapura atau Hong Kong, saya berharap Kerajaan dapat mengkaji semula cadangan ini. Dalam era di mana kita dapati bahawa berbagai-bagai komputer telah membanjiri pasaran seperti mikro komputer dan sebagainya, satu kadar duti yang lebih rendah akan membolehkan orang ramai termasuk murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut di maktab-maktab dan universiti-universiti berfaedah dari ciptaan ini. Memandangkan kepada ini, saya berharap pihak Kerajaan dapat menghapuskan sama sekali duti terhadap komputer dan mikro komputer ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, semalam kami ada mendengar tuduhan-tuduhan liar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan saya dapati

beliau tidak begitu memahami peri bahasa Melayu. Saya menegaskan di sini bahawa gendang kosong dari Kota Melaka adalah talam dua muka dan Ahli yang tersombong itu tidak akan menjadi sombong lagi oleh sebab sepandai-pandai tupai melompat ada kalanya jatuh ke tanah juga.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka mengarahkan sokongan saya terhadap ucapan belanjawan tahun ini seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan.

Tuan Yang di Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, setiap kali Dewan bersidang, PAS selalu menjadi bahan kecaman setengah-setengah para perwakilan, PAS dijadikan kambing hitam dalam satu-satu kejadian dalam masyarakat tanpa memberi perhatian yang teliti dan adil kepada pihak lain sama ada pihak lain juga terlibat dalam kejadian tertentu itu. Saya berdoa mudah-mudahan dengan kecaman-kecaman itu Allah menjadikan PAS semakin lebih kental dan pejal. PAS akan menjadi sebatang paku semakin dipukul semakin mendalam dan kejap mencengkam.

Pada 14hb Oktober baru lepas, satu ikhtiar telah dibuat lagi di sini supaya pihak berkuasa membuang perkataan Islam dari mana-mana parti politik, katakanlah, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ataupun Barisan Jameiyah Islam Malaysia (BERJAYA). Ikhtiar ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah ikhtiar baru, beberapa ketika dulu telah dibuang tulisan "Allah-Muhammad" dari bendera PAS dengan alasan yang sama iaitu takut mengelirukan umat dan takut menimbulkan perpecahan di kalangan masyarakat. Selepas itu kerana pembuangan itu tidak berkesan agaknya dibuang lagi lambang bulan bintang dari bendera PAS dengan alasannya sama juga, tetapi Alhamdulillah, kesannya tidak sampai ke mana-mana pun dan rakyat sendiri tetap tidak terkeliru seperti yang difitnahkan oleh setengah golongan yang suka mengadakan fitnah. Sehingga akhir-akhir ini

dijulang naik satu lagi parti baru di Kelantan setelah dilakukan demonstrasi yang bersejarah. Parti ini sengaja diletakkan perkataan "Islam" ke atas batang tubuhnya dengan nama Barisan Jameiyah Islam dan dijaja ke seluruh ceruk rantau oleh penjaja-penjaja politik bahawa inilah parti Islam yang sebenarnya. Tetapi Alhamdulillah, tembelangnya semakin lama semakin berbau dan keadaannya sekarang sepertimana yang sama-sama dilihat, amat menyedihkan. Bukan sahaja menyedihkan parti itu tetapi yang menjadi mangsa ialah pemikiran masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada ikhtiar dan usaha membuang perkataan Islam tadi maka satu hal anih yang sedang berlaku akhir-akhir ini iaitu pihak Kerajaan sendiri sedang melekatkan perkataan Islam ke atas projek-projek barunya iaitu Bank Islam dan Universiti Islam, bahkan lebih daripada itu kerap kali dibaca dan didengar bahawa pihak pemerintah sekarang pun telah mula menonjolkan parti Islam yang ketiga besarnya di dunia. Soalnya adakah penggunaan perkataan "Islam" kepada Bank Islam atau Universiti Islam itu tidak akan menimbulkan keraguan dan perpecahan di kalangan pelanggan-pelanggan bank itu nanti bahawa yang melanggan di Bank Islam sahaja yang Islam manakala yang melanggan di bank-bank lain termasuk Bank Bumiputra sendiri, tidak Islam? Kalau dipakai lojik tadi maka memang begitulah jadinya. Begitulah seterusnya nanti dengan pelajar-pelajar di Universiti Islam, juga akan timbul sangkaan keraguan dan tuduhan dan perpecahan bahawa pelajar-pelajar di universiti itu sahaja yang Islam, manakala pelajar-pelajar di universiti-universiti lain adalah non-Islam, sesat dan neraka belaka.

Oleh itu kalau hendak dibuang perkataan Islam dari parti politik maka amat wajar dibuang semua perkataan itu dari semua pertubuhan-pertubuhan terbuka seperti Angkatan Belia Islam (ABIM) Pusat Islam, Yayasan Dakwah Islam yang kebetulan tuan punya cadangan itu sendiri sedang mengendalikan sejak beberapa lama dulu sampai sekarang. Kalau sekiranya telah

diakui bahawa perkataan Islam di beberapa pertubuhan yang saya maksudkan tadi telah tidak menimbulkan apa-apa kekeliruan dalam hati rakyat, cuma kalau ada pun hanya dalam kepala orang-orang yang kehabisan hujah dan pemikiran yang waras, maka kenapa disibuk-sibukkan terhadap PAS sahaja. Kenapa ditujukan perpecahan masyarakat sekarang kerana perkataan Islam pada nama PAS. Berkempen sama berkempen, Angkatan Belia Islam berkempen untuk memperkenalkan dirinya kepada masyarakat, kami pun berkempen untuk tujuan yang sama tetapi tidak pernah dicadangkan supaya dibuang kata-kata Islam dari pertubuhan itu dengan alasan memecah belahkan masyarakat.

Dan tidak lama Bank Islam pun akan berkempen juga kepada umum supaya berlanggan dengannya. Saya tegaskan di sini, dalam suasana pemikiran sebahagian besar umat Islam di seluruh dunia menjadi kelam kabut mengenai tugas dan mesej Islam itu sendiri. Adakah benar ianya sekadar mengajar manusia bersembahyang, berpuasa sahaja ataupun mencakup semua aspek hidup. Dalam suasana kelam kabut seperti ini maka perkataan Islam perlu ditonjolkan kepada pertubuhan-pertubuhan dan kegiatan-kegiatan hidup. Islam perlu ditonjolkan kepada parti politik supaya manusia faham bahawa Islam punya caranya sendiri dalam urusan pemerintahan. Sepertimana komunis ada caranya dan demokrasi ada caranya tersendiri. Islam perlu ditonjolkan kepada badan ekonomi supaya dunia faham bahawa Islam punya caranya tersendiri dalam mengatur hal ehwal kewangan dan harta benda, begitulah seterusnya kepada kegiatan-kegiatan lain supaya dengan cara ini ajaran-ajaran salah yang telah disebar dan ditanam oleh penjajahan barat yang terkenal anti Islam di seluruh dunia yang mengasingkan Islam daripada lapangan hidup seperti yang disebutkan tadi dapatlah dikikis sepenuhnya. Sebab itu, kalau dahulu tidak pernah ditonjolkan perkataan Islam dalam istilah politik dunia hari ini di Bangsa-bangsa Bersatu sendiri sengaja ditimbulkan perkataan Islam iaitu blok negara-negara

Islam yang berjumlah kira-kira 40 buah negara sekalipun di dalamnya termasuk negara Arab yang berfahaman Marxist. Kalau dahulu kami diperli dan diejak-ejak kerana Islam dikira sebagai anasir yang boleh menimbulkan huru-hara tetapi akhir-akhir ini orang yang memperlikan kami itu pula mendabek dada dengan megahnya menjadi parti Islam yang ketiga besarnya di dunia walaupun sampai hari ini tidak berani menulis dasar Islam dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, bila perkataan Islam ditonjolkan ke atas parti politik maka secara automatik mesti ditegas selalu bahawa Perlembagaannya ialah Quran dan Hadith. Dan juga mesti ditegaskan selalu bahawa mana-mana undang-undang dan peraturan yang bercanggah dengan Quran dan Hadith dengan sendirinya terbatal dan gugur. Sebab itu semua kelihatan yang disebutkan sekarang sebagai kegiatan agama dari mana-mana parti politik atau mana-mana Kerajaan yang tidak ditegaskan dalam Perlembagaannya dasar Quran dan Hadith tadi adalah dikira sebagai kegiatan perseorangan dan peribadi sahaja yang boleh berubah-ubah mengikut perubahan pimpinan dan ini memang kenyataan yang telah dan sedang berlaku di negara kita.

Perubahan kegiatan mengikut perubahan pimpinan ini berpunca dari amalan dasar pragmatis yang menjadi kebanggaan kita sekarang. Dengan erti kata kalau gelombang socialist yang bertiuip kuat maka negara akan terbawa-bawa ke arah socialist. Tetapi kalau keadaan sekeliling bergelombang ke arah Islam maka negara mahu tidak mahu mesti diheret ke arah Islam. Keadaan yang tidak menetap ini memang tidak boleh dibiarkan berterusan sebagai amalan biasa kerana inilah satu-satunya punca kekacauan pemikiran dan keretakan dalam masyarakat. Tak usahlah, didalih-dalihkan bahawa penegasan dan pelaksanaan Islam tidak boleh dibuat kerana masyarakat majmuk yang mengandungi pelbagai kaum dan kebudayaan, kerana Islam itu sendiri ialah agama majmuk. Islam itu sendiri ciptaan Allah untuk makhluknya yang sedia awal-awal lagi bersifat majmuk. Ikrar yang

diajar kepada seluruh manusia ialah rabbulalamin, Tuhan sekalian alam, bukan Tuhan Arab semata-mata bahkan bukan Tuhan bagi seluruh manusia sahaja bahkan seluruh manusia dan jin di seluruh langit dan bumi lebih majmuk daripada apa yang disebut-sebut majmuk.

Nabi Muhammad itu sendiri sengaja dilahirkan di Makkatul Mukaramah, kemudian berhijrah ke Madinatul Munawarah yang kedua-duanya dari segi sejarah adalah kota metropolitan yang menjadi pusat dagangan dan pertukaran barangan dari timur dan barat yang dengan sendirinya didatangi dan didiami oleh manusia yang pelbagai bangsa, bahasa dan kebudayaan. Sebab itu sejak awal-awal lagi terdapat sahabat-sahabat atau golongan pelapis pertama beliau terdiri dari keturunan Italy, Shib Ar Rumi, dari Iran, Salman Al Farisi, dari Habasya Bilal Habashiridhuanallahi alaihim ajama'in. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, sungutan-sungutan majmuk, sungutan-sungutan berbilang kaum, sungutan berbilang kebudayaan yang dikira halangan bagi pelaksanaan Islam sepenuhnya pada hakikatnya sama ada disadari atau tidak sungutan ini keluar daripada mereka yang kurang menghalusi tentang Islam. Biasanya mereka hanya mengikuti kajian yang dibuat oleh orientalis dan Freemason dan di sebar keseluruh dunia melalui pusat pengajian tinggi dan networknya yang bertabur di segenap pelusuk alam. Yang anihnya, ada ustaz-ustaz juga yang terperangkap dalam jaringan ini.

Kalau Kerajaan sekarang berjaya mengemukakan Dasar Ekonomi Baru dan dasar Bahasa Kebangsaan di tengah-tengah masyarakat majmuk yang telah melibatkan banyak hal-hal sensitif, melibatkan bahasa China dan Tamil yang lebih maju dan lebih lengkap daripada Bahasa Malaysia sendiri dan telah melibatkan perkembangan ekonomi dan perniagaan kaum lain, kalau Kerajaan sekarang berjaya merempuh rintangan-rintangan sensitif ini dengan bermacam-macam alasan, pujukan, rayuan, tekanan dan undang-undang, maka tidak ada

sebab mengapa dasar Islam yang serba cukup, yang serba comil, dan serba rahmatan lil alamin itu tidak dapat dikemukakan bersama. Kerana kalau ianya menakutkan orang-orang bukan Islam maka tidakkah Dasar Ekonomi Baru dan Bahasa Kebangsaan telah menakutkan mereka juga sampai ke hari ini.

Ucapan yang dibuat oleh seorang Ketua Pemuda bagi sebuah parti komponen baharu-baharu ini yang mengikutnya mereka tidak rela hak mutlak mereka dirampas dan dirompak adalah contoh bagaimana mereka curiga, takut dan terasa bebannya dengan apa yang dikira hak mutlak mereka. Kita tidak boleh tonjolkan ke Islam kita kepada masyarakat dengan kerana kita membasmi kemiskinan, mengajak rakyat bersifat cekap, bersih dan amanah, kerana kerja-kerja itu terdapat juga di mana-mana negara di seluruh dunia. Kalau di negara komunis mengikut kabarnya pembasmian kemiskinan berjalan lebih lancar dan lebih hebat melalui penghapusan riba dan insuran yang berunsur judi dan sebagainya. Tetapi, adakah ia boleh disebut Islamic?

Tuan Yang di-Pertua, kami dari PAS selalu dibebankan dengan bebanan perpecahan dalam masyarakat. TV Malaysia berkali-kali menayangkan filem dua imam di Besut serta diadakan temuramah khas di antara orang-orang tertentu. Dukacita, Tuan Yang di-Pertua, TV kita hanya menayangkan cerita dua imam sahaja, tidak ditayangkan cerita dua rakyat. Kerana apa tidak dibuat penggambaran sekumpulan rakyat yang sedang menerima bantuan subsidi rumah, subsidi kemarau dan subsidi baja. Kemudian dihala pula TV kepada sekumpulan lain yang sedang berputih mata dan mengelisah kerana tidak dapat menerima apa-apa. Dalam fail saya ini terdapat mana-mana pak tani yang cukup mempunyai syarat dan pernah mendapat bantuan baja tetapi akhir-akhir ini telah dipulau oleh pihak yang berkenaan, mereka tidak diberi hak untuk menerima apa-apa bantuan pun kerana hanya berlain fahaman politik. Oleh itu kalau pihak Kerajaan sendiri yang membelah bagikan rakyatnya sendiri maka tidak ganjil kalau pihak rakyat juga bertindak membelah bagikan sama sekampung.

Sistem JKK yang dipakai sekarang ini adalah terlibat secara langsung dalam memecah belah dan mempurak purandakan masyarakat. Ianya hampir sama dengan sistem Polis Savak di Iran, zaman almarhum Shah Iran dahulu, yang telah menghancurkan leburkan pemerintah Shah sendiri. Amatlah tidak wajar kalau dihempapkan kesalahan dan kekecohan di kampung hari ini ke atas sebelah pihak sahaja tanpa diteliti, adakah di sebelah lain juga turut terlibat. Benarlah kata pepatah, kalau hendak dihentikan tangisan seorang kanak-kanak, tak usahlah dilarang kanak-kanak supaya berhenti, laranglah si pemukul dari terus memukul, insya Allah kanak-kanak akan berhenti sendiri dari menangis. Sekian, terima kasih.

4.48 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, negara kita sedang menghadapi recession, suatu realiti yang turut dihadapi oleh negara-negara lain. Kita terpaksa ketatkan perbelanjaan kita untuk mengatasi kesulitan ini. Dalam konteks inilah negara kita berasaskan keperluan yang terpaksa bersatu padu. Dengan tindakan yang sedemikian iaitu melalui perpaduanlah kita dapat menghadapi masa depan yang tidak begitu cerah ini. Adalah kebiasaan apabila menghadapi kesulitan mungkin kita berasa lebih sensitif terhadap mana-mana kesilapan yang mungkin dilakukan oleh Kerajaan.

Tuan Speaker, bagi negara kita bersatu padu tidak payahlah berulang lagi bahawa Kerajaan terpaksa pastikan setiap rakyat diberikan segalanya yang diperuntukkan dalam Perlembagaan kita. Tuan Speaker, DAP tidak boleh dan tidak akan mengkompromise dengan Barisan Nasional terhadap dasar pembangunan negara dekad 80an untuk membina satu negara dengan satu bahasa dan satu kebudayaan sebagaimana dimaklumkan ketika merasmikan pembukaan Parlimen pada 11hb Oktober tahun ini.

Tuan Speaker, tiada siapa pun boleh atau harus menafikan bahawa Bahasa Malaysia adalah Bahasa Kebangsaan kita. Di samping itu tiada siapa pun boleh atau turut menafikan iaitu bahasa Inggeris adalah bahasa

antarabangsa, dengan izin, international lingua franca walaupun kita berada di bawah penjajahan British pada satu ketika dahulu tetapi janganlah pula kita melupakan bahawa adalah British yang meletakkan kita dalam kedudukan yang kita berada kini. Kita tidak seharusnya menghentam British. Ia hanya akan membalas kemudian (counter-productive).

Kita tidak seharusnya melupakan asal-usul kita untuk membiasakan diri dengan peristiwa-peristiwa dunia. Kita terpaksa mengakui kepentingan bahasa Inggeris. Demi kepentingan nasionalisma yang buta janganlah pula kita perturunkan status bahasa Inggeris ketahap yang tidak memberi apa juga ertikata.

Tuan Speaker, kita tidak boleh hidup sebagai pulau dengan mengasingkan diri dari dunia antarabangsa. Dalam negara China juga usaha-usaha dilaksanakan untuk mempelajari bahasa Inggeris. Bahasa Malaysia bukanlah bahasa antarabangsa. Kita terpaksa sedar dan mengakui hakikat ini. Kita tidak boleh berlaku seumpama kata pepatah Inggeris, dengan izin: Ostrich which buries its head in the sand oblivious to whatever is transpiring around it—Burung Kasawari yang menanamkan kepalanya dalam pasir dengan melarikan diri dari segala tindak-tanduk yang terjadi di sekelilingnya.

Kita telah mewarisi sistem Undang-undang British yang sehingga sekarang adalah sistem yang terbaik sekali. Bagaimanapun undang-undang, misalnya Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Essential (Security Cases) Regulations, 1975 sungguh menghitamkan sistem keadilan kita. Kerajaan menjelaskan wujudnya Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah sesuatu keperluan. Tahanan tanpa perbicaraan adalah bertentangan dengan pengertian keadilan dan tindakan bersih. Barangkali Kerajaan menyatakan ancaman komunis adalah diminima. Bagaimana pula Kerajaan dapat mengesahkan dengan 'pangkalan' ISA.

Tuan Speaker, Essential (Security Cases) Regulations, 1975 ada sesuatu perbicaraan radikal dari Peraturan-peraturan Bukit dan

Perjalanan Jenayah (Rules of Evidence and Criminal Procedure). Di bawah peraturan-peraturan ini enggankata (hearsay) pun dapat diterima. Bukti-bukti juga dapat diambil tanpa kehadiran yang dituduh dan peguamnya. Ada pula peruntukan bagi saksi-saksi yang dibenarkan tudung supaya identiti mereka tidak dikenali. Kenyataan oleh seseorang yang dituduh walaupun tidak dapat dijaga, dapat diterima. Regulations itu menjejaskan kedaulatan undang-undang. Walaupun bantahan-bantahan dikemukakan oleh Majlis Peguam Malaysia, Kerajaan tidak lagi memansuhkan undang-undang ini.

Tuan Speaker, ketika pembukaan Perhimpunan Persatuan Undang-undang ASEAN di Universiti Malaya pada minggu lalu, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa pihak-pihak berkuasa tidak mengharapkan kehakiman menjadi pro atau anti Kerajaan, hanya pro Perlembagaan dan pro undang-undang. Perkataan-perkataan ini memang arif. Perdana Menteri turut mengatakan bahawa hak membuatkan undang-undang pasti adalah hak perundangan. Bagaimanapun undang-undang yang pihak perundangan buatnya itu pasti adil dalam ertikata yang sebenarnya.

Peruntukan tahanan tanpa perbicaraan memang bukan yang rakyat inginkan. Kerajaan mesti memberi pertimbangan agar memansuhkan ISA dan Essential (Security Cases) Regulations.

Perdana Menteri ketika merasmikan pembukaan Perhimpunan Persatuan Undang-undang ASEAN menyatakan dengan pentingnya: "Tiada seseorangpun melebihi undang-undang termasuk yang berkuasa. Yang berkuasa sebenarnya adalah pemegang-pemegang amanah dan tugas mereka adalah untuk meninggikan kepentingan rakyat, bukan kekayaan diri sendiri".

Tuan Speaker, Perdana Menteri kita memang betul-betul tanpa apa jua keraguan. Ahli-ahli Kabinet mengikut sumpahnya.

Mereka dikehendaki melaksanakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan mereka dengan taatsetia serta dengan seboleh-bolehnya.

Sebelum saya melanjutkan lagi, Tuan Speaker, biarlah saya menyatakan kepentingan 'pecuniary' dalam kes Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur Suit A20/82 di mana syarikat peguam saya sedang bertindak bagi pihak Encik Periasamy a/I Sangily menentang Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Dalam kes ini, Tuan Speaker, Encik Periasamy sedang menuntut haknya sebagai seorang rakyat Malaysia. Menteri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, bukankah itu *sub judice*?

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, mengikut peraturan, itu bukan *sub judice* oleh kerana jikalau saya boleh baca yang terkandung dalam 36 (2)—

"36 (2) Tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu."

Dalam kes ini, Tuan Speaker, kes yang ada dalam mahkamah pada masa ini, Yang Berhormat Menteri itu tidak nafikan apa yang ada dalam Statement of Claim itu. Apa yang Menteri telah buat baru-baru ini ialah hendak tolak permohonan itu atau suit itu atas satu point technical dalam mana Menteri itu ada mengatakan Encik Periasamy tidak ada hak untuk jalan kes itu oleh kerana tidak ada '*locus standi*'. Itu sahaja, Tuan Speaker. Mengikut peraturan 36 (2) bukan apa-apa yang ada dalam mahkamah jadi *sub judice*. Jikalau ada prejudice atas apa-apa parti dalam kes itu baru juga tidak boleh dibincangkan. Oleh kerana itu, dalam fikiran saya apa yang ada dalam mahkamah ini bukan *sub judice*. Tentang apa yang saya hendak buat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dan apa pula kes yang baru dibentangkan dalam mahkamah?

Tuan Karpal Singh: Itu satu kes lain, Tuan Speaker. Tidak ada sangkutan dengan kes ini. Kes ini atas letterhead yang ada digunakan oleh Menteri itu dalam satu perkara persendirian, bukan official. Kes yang ada dimasuk dalam mahkamah kelmarin oleh Menteri itu adalah satu kes lain, satu kes libel dan slander dalam apa yang saya ada baru-baru ini cakap di Chinese Assembly Hall, hari Isnin lalu. Oleh itu dengan izin Tuan Speaker, bolehkah saya sambung ucapan saya?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, on a point order di bawah Standing Order 36 (1), bahawa Yang Berhormat dari Jelutong tidak bercakap perkara-perkara yang dibincangkan sekarang, iaitu berkenaan dengan kewangan, tetapi membawa perkara lain iaitu perkara mahkamah dan sedikitpun tidak berkaitan dengan kewangan yang dibentangkan di sini; seolah-olah dia membahaskan Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—iaitu point of order di bawah Standing Order 36 (1).

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya dia akan sampai ke tempat itu, kerana dia akan membangkitkan satu perkara yang berbangkit dengan apa yang di hadapan kita sekarang. Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker.

Dalam kes ini Encik Periasamy sedang menuntut haknya. Apa yang saya cakap tadi sebagai seorang rakyat Malaysia. Menteri berkenaan bertindak bersendirian untuk memiliki tanah lot 6130 Mukim Batu, Kuala Lumpur pada tahun 1981 dan awal tahun 1982 daripada bapa Encik Periasamy, Encik Singily *alias* Kruppiah a/I Veean, yang meninggal dunia pada 17hb Februari, 1982.

Tuan Speaker, pada 19hb Oktober, 1981, Menteri berkenaan mengeluarkan resit rasmi di atas surat rasmi Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri untuk pembelian tanah tersebut.

Tuan Speaker, pada 12hb dan 13hb Januari tahun ini Menteri berkenaan mengeluarkan dua resit rasmi berasingan dengan menggunakan surat-surat rasmi Menteri berkenaan menunjukkan pembelian persendirian tanah tersebut. Dengan menggunakan sepucuk surst rasmi Menteri berkenaan yang tidak bertarikh, Tuan Speaker, Menteri berkenaan menulis kepada Syarikat Messrs. Richard Tallala, sebuah syarikat peguam di Kuala Lumpur mengenai pembelian sebahagian tanah lot 6130, Mukim Batu, Kuala Lumpur.

Tuan Speaker, memandangkan tindak-tanduk Menteri berkenaan, beliau dengan jelasnya telah menyalahgunakan kedudukan rasmi dan kuasa yang dikurniakan kepadanya sebagai Menteri Persekutuan demi kepentingan dan kemudahan sendiri. Beliau telah membiarkan kepentingan persendirian bertentangan dengan kewajipan-kewajipan seorang Menteri

Tuan Daud bin Haji Taha: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap!

Tuan Karpal Singh: On a point of order atau . . .

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order 36 (6) . . .

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order ataupun minta jalan?

Tuan Daud bin Haji Taha: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36 (6): "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain." Pada pendapat saya oleh sebab Menteri yang berkenaan tidak ada di Dewan ini untuk menjelaskan keadaan, dan perkara ini telahpun dibangkitkan berkali-kali oleh Ahli

Yang Berhormat dari Jelutong, saya berpendapat tidak perlu perkara ini dibawa sekali lagi ke dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya bukanlah benda ini sama ada perlu atau tidak. Soalnya bolehkah atau tidak Ahli Yang Berhormat dari Jelutong membawa perkara ini, jadi pada fikiran saya boleh dia membawa perkara ini walaupun beberapa kali.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, Menteri itu telah salahguna kedudukan seorang Menteri dengan mendapatkan secara tidak sah sepucuk surat rasmi Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan menggunakannya dalam urusan pembelian tersebut.

Tuan Speaker, beliau mencuba ketepikan writ yang ada dalam mahkamah sekarang dengan alasan-alasan berasaskan teknik. Sebenarnya, saya membuat tuduhan-tuduhan ini secara terbuka pada 13hb September tahun ini. Beliau tidak lagi menafikan bahawa beliau menggunakan surat-surat rasmi bagi menguruskan pembelian persendirian. Walau bagaimanapun, Menteri itu tidak ada di dalam Dewan yang mulia hari ini, Tuan Speaker.

Bagaimanakah Menteri berkenaan dapat surat-surat Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri itu? Menteri berkenaan adalah salah kerana mencuri, dalam fikiran saya, Tuan Speaker, surat-surat itu atau kesalahan kerana memiliki harta-benda yang dicuri itu di bawah undang-undang. Adalah skandal bahawa Menteri berkenaan telah berkelakuan begitu. Kelakuan beliau adalah memalukan terhadap cogan kata 2M: Bersih, Cekap dan Amanah. Menteri berkenaan tidak memberi apa-apa komen terhadap tuduhan-tuduhan saya ke atas penggunaan surat-surat itu. Dinyatakan bahawa Menteri berkenaan mengatakan: "Saya tidak akan mempolitikkan perkara itu. Saya akan minta peguam-peguam saya menguruskan dengan Encik Karpal Singh", Beliau ada kata. Biarlah saya berkata kepada Menteri itu, lebih baiklah beliau menjadikan politik-politik tuduhan-tuduhan saya, tuduhan-tuduhan saya memang ada flavour

politik. Kini cara politik Menteri itu adalah dipersoalkan dalam penggunaan surat-surat. Saya menuduh Menteri berkenaan dengan mengatakan impropriety.

Tuan Haji Dasuki bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, ada Ahli hendak bercakap di belakang itu. On a point of order ataupun minta jalan?

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tertib mesyuarat. Saya dapati apa yang disebutkan oleh wakil dari Jelutong tadi jelas bercanggah dengan Peraturan 36 (6) kerana beliau mengeluarkan sangkaan jahat. Dan di dalam ucapan beliau sendiri, beliau mengatakan tuduhan mencuri surat. Ini adalah merupakan satu tuduhan dan tuduhan ini adalah merupakan sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau begitu tidak bolehlah satu-atu orang membuat apa-apa tuduhan kepada mana-mana Menteri. Dia berhak membuat tuduhan kepada seseorang di atas kerjanya. Kalau sekiranya Yang Berhormat boleh melihat di atas 36 (9) boleh dibenarkan, tetapi orang yang membuat tuduhan itu hendaklah dia mempunyai bukti-bukti dan dia hendaklah mempertahankan dan membuktikan kebenarannya itu. Kalau sekiranya dia tak dapat membuktikan membuktikan kebenarannya itu, kita boleh mengambil tindakan lain di bawah Peraturan Mesyuarat.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Maaf. Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara lagi pada hemat saya perkara ini adalah merupakan tuduhan dan sudahpun menjadi kes mahkamah, sebagaimana yang dicabarkan oleh wakil yang berkenaan kepada Menteri itu. Jadi, soal menjawab tuduhan ini adalah menjadi hak mahkamah menentukannya salah ataupun betul dan apabila perkara ini sudah menjadi hak mahkamah, maka bagi Dewan yang mulia ini pada hemat saya tidak patut untuk membangkitkan semula, lebih-lebih lagi wakil yang berkenaan menimbulkan tuduhan: tuduh mencuri surat, tuduh silap teknik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa perkara itu baiklah Menteri itu menjawab sendiri. Dia akan ada masa hendak menjawab. Saya rasa benda ini satu perkara yang menyetuh seseorang sebagai Menteri, dan mana-mana Ahli Parlimen berkuasa dan berhak mengeluarkannya di dalam Parlimen. Saya minta wakil dari Jelutong teruskan. Kurangkan sedikit.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker, dalam perkara ini saya ada bukti, saya beri jaminan kepada Dewan yang mulia ini saya ada bukti, oleh kerana itu saya bangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini, jikalau tidak ada bukti saya tidak buat begini.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Speaker, saya ingin mengulang lagi sekali dalam Peraturan Mesyuarat ini di bawah Peranggan 92 iaitu seseorang ahli tidak dibenarkan hadir di hadapan Majlis atau di hadapan mesyuarat apa-apa Jawatankuasa Majlis sebagai sifatnya akan menerima bayaran atau upah, atau sebagai peguam bagi mana-mana pihak. Jadi, saya ingin tahu Yang Berhormat dari Jelutong jika dia sebagai peguam dia tidak ada hak bangkitkan hal ini?

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya sendiri yang akan menjawabnya. Bolehkah Yang Berhormat beritahu adakah Yang Berhormat bercakap sebagai advocate

Tuan Karpal Singh: No, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: No. Saya fikir Seksyen 92 ini kalau sekiranya dia bercakap sebagai advocate and solicitor. Dia sekarang bercakap sebagai seorang Member of Parliament. Sila teruskan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya menuduh Menteri itu telah mengkhianati sumpah taat setia seorang Menteri supaya melaksanakan tugas-tugas seboleh-bolehnya telah salahguna kewajipan serta kemudahan rasminya itu. Saya tafsirkan pendiaman diri itu terhadap tuduhan-tuduhan itu sebagai menunjukkan ketakutan. Pada hari Isnin lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi secara

terbuka tuduhan-tuduhan tipu-helah dan cuba mengelakkan dari pembayaran cukai setem

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat itu *sub judice*. Yang Berhormat telah menggunakan perkataan "tipu" yang itu *sub judice*.

Tuan Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker. Saya rasa gembira Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam memfailkan satu writ atas nama beliau dalam Mahkamah Tinggi kelmarin sungguhpun beliau patut berbuat demikian beberapa lama dahulu yang terpaksa jadi kematian politik bagi salah seorang di antara kami berdua, Tuan Speaker. Soal hati saya terang, yang benar adalah di sebelah saya, kepercayaan pasti dan mesti menang. Dengan nama Tuhan apa yang saya telah katakan tentang Menteri berkenaan adalah benar, segalanya benar dan tiada melainkan yang benar, Tuan Speaker. Biarkan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur menentukan siapakah yang betul. Saya bersedia berjumpa Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam pada bila-bila masa. Memandangkan kepada tindakan mahkamah dan siasatan atas Laporan Polis dibuat kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, rujukan, Tuan Speaker, Laporan Polis Sentul, 7939/82, patutlah Menteri berkenaan itu turun dari pangkat sebagai Menteri dalam Kabinet sementara tindakan mahkamah dan siasatan Polis itu dijalankan. Tentulah patut kepada cogan kata 2M: Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Speaker, Kerajaan patut membenarkan orang bukan bumiputra menggalakkan kebudayaan masing-masing. Nampaknya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengeluarkan arahan bagi mengharamkan tarian singa kecuali pada Tahun Baru Cina. Kaum Cina kita memang merasa khuatir terhadap arahan itu.

Tuan Speaker, tarian singa adalah sebahagian yang disempurnakan dari kebudayaan Cina. Kerajaan tidak patut meletakkan batas-batas ke atas hak rakyat untuk menggalakkan kebudayaan-kebudayaan mereka, patut mengadakan toleransi dan muhibah.

Pada hari Jumaat lalu, Tuan Speaker, suatu trajidi telah berlaku di Ladang Thean Teik di Pulau Pinang. Seorang suri rumahtangga mati dan empat orang tercedera, seorang daripadanya dalam keadaan bahaya. Penyiasatan dianggotai oleh pihak atasan harus dilaksanakan dan adalah menghairankan tiada tembakan amaran ke arah udara. Perkara tersebut tidak diuruskan dengan betul, Tuan Speaker. Kebanyakan mereka terdiri dari kaum tani dan saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan yang berkesan bagi menyelesaikan secara aman damai.

Tuan Speaker, Dewan ini diberitahu oleh Timbalan Speaker bahawa beliau telah diberi maklumat oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kelmarin iaitu peristiwa tembakan itu adalah dalam siasatan. Saya harap siasatan itu tiada menjadi satu siasatan sia-sia, tetapi menjadi satu siasatan yang akan menentukan apa yang benar dengan tiada menjadi berat sebelah mana-mana satu pihak yang terlibat. Memandang kepada hal betapa serius perkara ini, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri mengambil perhatian dalam hal ini.

Tuan Speaker, lagi satu isu yang penting nampaknya adalah sikap Ketua Menteri Sabah dan siapa yang hendak menjadi "Yam Tuan Perang" atau dengan izin, War Lord dengan hak sendiri. Pimpinan Ketua Menteri Sabah tiada lebih baik daripada pimpinan Tun Mustapha, satu diktator telah menggantikan satu diktator. Saya suka mengingatkan Ketua Menteri Sabah akibat diktator-diktator itu ialah satu akibat yang menyesalkan.

Kejayaan DAP dalam kawasan Sandakan baru-baru ini mendapat majoriti lebih menjadi satu tanda pengundi-pengundi di Sabah ada menyokong parti DAP. Baru-baru ini, Tuan Speaker kejayaan DAP dalam pilihanraya kecil Kepayang juga menunjukkan bahawa DAP itu adalah satu kuasa yang patut dikira sungguhpun parti itu mengalami beberapa pengunduran yang dialami oleh parti dalam pilihanraya umum dalam bulan April tahun ini.

Ketua Menteri Sabah mesti menghormati kata-kata beliau sendiri baru-baru ini, iaitu Parti BERJAYA siap sedia untuk memberi kepada wakil-wakil Pembangkang menduduki kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri dalam kawasan Parlimen Sandakan, jikalau rakyat di sana mahu seperti itu.

Memandangkan kepada kenyataan-kenyataan pegawai-pegawai BERJAYA dan juga Ketua Menteri itu jadi isu atas perkara Parti-parti Pembangkang termasuk DAP siap sedia untuk menghadapi satu pilihanraya kecil dalam kawasan-kawasan tersebut, terus terang Ketua Menteri Sabah itu bukanlah seorang jujur. Patutlah Ketua Menteri Sabah melarang diri daripada memutuskan kata-kata yang dia tidak dapat ikut. Kerajaan Persekutuan mesti mengawal dengan lebih baik penyeliaan atas Ketua Menteri Sabah yang menjadi lebih besar bagi baju beliau, Tuan Speaker. Sabah ialah satu bahagian asas Malaysia, Kerajaan Persekutuan tidak boleh menjadi segan untuk mengambil tindakan apabila Ketua Menteri Sabah itu tiada ikut garis panduan yang tertentu.

Tuan Speaker, Kerajaan Persekutuan mesti campurtangan dalam hal larangan masuk ke Sabah dikenakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Kuala Lumpur Bandar. Larangan itu tidak menasabah, malulah Ahli-ahli Parlimen di negara ini tiada jadi bebas untuk berhijrah ke semua tempat dalam negara tanpa sebarang larangan, sama ada mempunyai hak bebas dalam satu-satu perkara. Tetapi bukanlah itu bererti Kerajaan Persekutuan tidak berdaya dalam hal mengelakkan salahguna kuasa Ketua Menteri Sabah.

5.16 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun seperti Ahli-ahli yang lain untuk membahaskan Usul Belanjawan bagi tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dasar Belanjawan ini bukan sahaja realistik, tetapi praktikal sesuai dengan keadaan suasana kemelesetan ekonomi sekarang. Ini realistik kerana ia tidak menyusahkan rakyat terutama golongan yang berpendapatan rendah. Ia juga praktikal kerana dalam keadaan iklim ekonomi dunia yang kurang sihat, Belanjawan ini boleh menyakinkan disegi mengimbang antara keperluan dan masalah-masalah negara, di samping itu juga Kerajaan terus mengutamakan pembangunan sosio-ekonomi. Kerajaan juga memikirkan langkah-langkah tertentu bagi menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi.

Pada himat saya, Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi yang telah ditekankan dalam Belanjawan itu adalah pragmatik kerana seperti yang saya katakan awal-awal tadi bahawa perhatian yang diberikan oleh Kerajaan untuk mengutamakan pembangunan sosio-ekonomi di negara ini yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat sesungguhnya dialu-alukan oleh golongan berpendapatan rendah terutama mereka yang duduk di luar-luar bandar.

Tuan Yang Dipertua, di samping saya mengalu-alukan Belanjawan ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa masalah serta cadangan dalam beberapa aspek yang saya kira tidak kurang pentingnya demi memperkukuhkan lagi usaha-usaha melaksanakan beberapa strategi seperti yang disebutkan dalam Belanjawan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengambil perhatian ke atas cadangan Kerajaan untuk memperbaiki sistem cukai eksport getah yang akan menggunakan sistem gazetted value RSSII, RSSIII dan SMR20. Sungguhpun eksport duti getah di bawah Belanjawan baru itu cukup menggalakkan, tetapi Kerajaan perlu mengkaji lagi beberapa aspek yang saya rasa penting bagi menambah lagi insentif pada pengusaha-pengusaha getah. Saya berpendapat cara yang lebih berkesan lagi ialah untuk menaikkan "threshold price" kepada 180 sen bagi tiap-

tiap kilogram supaya produksi pengeluaran kita sebanyak 80 sen sekilogram dapat dibukti dan ditunjukkan. Threshold price, sebelum Belanjawan ialah 154 sen sekilogram, eksport duti dalam Belanjawan tidak dikenakan cukai bila harga melebihi 170 sen sekilogram. Sebagai asas pungutan cukai tersebut dan bukan sistem RSSI yang saya rasa adalah tidak sesuai. Sistem pungutan sekarang ialah menggunakan gazetted value RSSI, RSSIII dan SMR20. Sistem yang saya cadangkan ini akan memberikan dan membolehkan pengeluar getah kita menerima diskaun yang lebih baik terutama sekali mereka yang ingin mengeluarkan getah bermutu tinggi. Sistem ini juga akan memberikan galakan kepada para pekebun kecil untuk menghasilkan getah yang bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa dasar Belanjawan Kerajaan ini akan terus memainkan peranan di segi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru negara kita, iaitu untuk meningkatkan mutu kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar. Saya rasa yang mustahak sekali ialah memberikan mereka kemudahana asas seperti lampu elektrik, sistem air yang baik dan lain-lain.

Di kawasan yang saya wakili, Tuan Yang di-Pertua, terdapat kemudahan asas seperti yang saya sebutkan tadi belum dapat diadakan lagi kerana kebanyakan mereka tidak mampu membayar kos perkhidmatan seperti bayaran api dan sebagainya. Demi kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar, saya mohon agar Kerajaan supaya dapat mengkaji penggunaan jentera yang menggunakan solar ataupun kuasa tenaga suria untuk mengeluarkan api. Sistem alat-alat fotografik ini telah pun digunakan di beberapa buah kampung untuk sekadar ujian sahaja. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini jentera menggunakan solar ini mendapat sambutan hangat di kalangan penduduk-penduduk desa yang merasakan sistem fotografik ini adalah sesuai kerana mereka tidak membayar kos perkhidmatan. Alat-alat fotografik ini boleh dipasang di tiap-tiap rumah di luar-luar bandar.

Satu lagi kemudahan infrastruktur yang menjadi masalah di kawasan saya sebutkan tadi ialah air. Saya ingin merayu kepada

Kerajaan supaya memberi perhatian sewajarnya bagi menyediakan bekalan air paip di kawasan ini untuk memudahkan mereka mendapat bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merayu kepada Kerajaan supaya mewujudkan sistem dan teknik moden untuk para nelayan. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa di negara kita ini kebanyakan rakyat adalah kaum nelayan yang bergantung kehidupan mereka kepada hasil tangkapan. Hasil tangkapan mereka ini juga memberikan pertukaran wang yang lumayan bagi negara kita. Dengan ini cara penangkapan ikan hendaklah diubahsuaikan, teknik-teknik moden hendaklah digunakan. Dalam bidang pertanian, Kerajaan juga harus memberikan perhatian ke arah meningkatkan sistem pertanian yang ada sekarang.

Saya ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya kami di Sabah masih menghadapi kesukaran untuk membantu para petani untuk meningkatkan pengeluaran mahupun hasil pendapatan mereka akibat dari sistem pertanian yang masih cara tradisi. Apa yang saya ingin cadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya Kerajaan mengambil contoh-contoh daripada sistem penanaman padi di Filipina di mana negara itu para petaninya boleh menanam padi sebanyak 5 kali setahun.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali oleh kerana banyak Ahli-ahli Yang terhormat ingin berucap, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan pembinaan sebuah Kolej Islam di Sabah walaupun pada masa ini Sabah mempunyai 4 sekolah menengah ugama Islam tetapi ini belum cukup untuk melahirkan para cendekiawan ugama. Keperluan ini adalah amat penting sekali memandangkan begitu ramainya saudara-saudara kita yang telah memeluk ugama Islam. Dengan hal yang demikian, sudah tentu Sabah memerlukan para pendakwah ugama yang benar-benar berkelayakan untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha syiar Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Belanjawan 1983.

5.25 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasar Puteh): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Belanjawan 1983, saya suka menimbulkan beberapa perkara yang mungkin boleh menolong memperkuat dan meyakinkan Kerajaan di dalam Anggaran Belanjawan 1983 yang berjumlah sebanyak \$28,749 juta berbanding dengan tahun ini sebanyak \$31,951 juta. Ini adalah merupakan anggaran yang disemak semula pada tahun 1982.

Kekurangan tahun hadapan sebanyak \$3,150 juta yang sebahagian besarnya di dalam perbelanjaan Pembangunan yang dikurangkan sebanyak \$2,961 juta, ini tidaklah menjejaskan urusan pentadbiran negara, cuma menjejaskan dari segi perbelanjaan Pembangunan. Walau kekurangan berlaku akibat dari kemelesetan ekonomi dunia tetapi ekonomi negara kita masih boleh dibanggakan. Pertumbuhan ekonomi masih wujud walaupun di dalam kadar yang berkurangan. Kesan yang berlaku tidak sangat dirasakan oleh rakyat seluruhnya kerana keteguhan ekonomi negara kita yang wujud selama ini tetap kekal. Ini adalah hasil dari kestabilan politik dan ketenteraman serta keselamatan negara yang kita bendung selama ini selain daripada perancangan ekonomi yang begitu baik dan betul.

Pencapaian tahap ekonomi yang ada sekarang telah membuktikan kecekapan dan kepintaran Kerajaan Barisan Nasional dalam menentukan dasar perancangan ekonominya yang dapat menyelamatkan negara ini dari kesan buruk yang berlaku sekarang ini. Langkah-langkah yang dijalankan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di dalam strategi Belanjawan Kerajaan 1983 adalah meyakinkan kepada kita. Dengan jangkaan prospek ekonomi dunia yang di akhir tahun 1983 akan bertambah baik sedikit dan langkah-langkah berjimat serta tindakan yang cermat daripada Kerajaan akan menggambarkan kepada kita keteguhan

ekonomi negara akan terus kekal dan kemungkinan kekurangan yang berlaku dalam Belanjawan 1982 dan 1983 akan dapat diimbuhkan kembali dan pembangunan akan dapat diteruskan sebagaimana yang dijangkakan, insya Allah, perkara itu akan dapat dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan negara luar kepada pertumbuhan ekonomi, kestabilan politik dan keselamatan negara kita telah menggalakkan pemberian pinjaman kepada negara kita. Pinjaman bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi adalah dasar dilakukan oleh semua negara kaya dan ingin maju kerana kepercayaan pemberian pinjaman ini dan keyakinan terhadap penggunaan kewangan yang betul tidak semudah sangkaan setengah daripada Ahli-ahli DAP ataupun Pembangkang. Pandangan tinggi oleh negara-negara luar, badan-badan kewangan antarabangsa kepada negara kita patut dipelihara dan dikekalkan. Oleh itu pertahanan dan keselamatan negara patut diutamakan kerana inilah semua punca yang akan melahirkan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan kestabilan politik yang abadi. Dengan ini tidak sepatutnya Kerajaan mengurangkan peruntukan sebanyak \$1 bilion itu kepada pembangunan pertahanan negara kita yang sangat perlu ini. Peruntukan sebanyak \$1,900 juta, kekurangan sebanyak \$800 juta daripada tahun 1982 tidak sepatutnya dilakukan kerana kita perlu berdikari dan membina pertahanan yang kukuh. Kerajaan akan menyediakan payung sebelum hujan, apabila nasi sudah menjadi bubur sudah tidak bermakna lagi. Segala perancangan dan pembangunan sosio-ekonomi akan menjadi abu. Jangan kita dengar desakan-desakan DAP ataupun PAS kerana kucar-kacir dan huru-hara adalah satu-satunya yang ditempah sebab sekiranya berlaku sesuatu yang buruk mereka akan mengeksploitasikan isu-isu itu untuk menangguk di air yang keruh.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memerhatikan Belanjawan Pembangunan tahun-tahun yang lepas, kita akan dapati kira-kira 60% hingga 70% sahaja perbelanjaan sebenar dilakukan. Begitu juga dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan

Ketiga kira-kira 50% hingga 60% sahaja perbelanjaan yang dilaksanakan. Ini membuktikan peruntukan perbelanjaan yang besar bagi pembangunan negara tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. Ini juga menunjukkan nafsu besar Kerajaan tetapi mempunyai tenaga yang kurang. Cita-cita dan niat Kerajaan adalah tinggi untuk membangunkan negara dan kesempurnaan rakyat tetapi malangnya daya dan keupayaannya ada kepada pelaksanaannya adalah kurang, akibatnya pembangunan negara terkebelakang daripada perancangan dan jangkaan Kerajaan yang sebenarnya. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kerajaan merancang tenaga kerja (manpower planning) adalah selaras dengan perancangan pembangunan negara supaya kita mendapat tenaga kerja yang cukup bagi melaksanakan pembangunan negara. Kita tidak perlu menambahkan peruntukan pembangunan yang tinggi tetapi keupayaan tidak ada bagi melaksanakan peruntukan yang banyak itu. Sepatutnya Kerajaan merancang dan menyediakan latihan-latihan tenaga kerja 3 atau 4 tahun lebih awal daripada masa pelaksanaan projek pembangunan tersebut. Misalnya, bagi Rancangan Malaysia Kelima saya mencadangkan supaya tenaga kerja itu dirancang dan dilatih daripada sekarang agar masa pelaksanaannya dapat berjalan dengan baik dan mengikut jadualnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita terdapat wujudnya dua subsidi kepada penanam-penanam padi iaitu subsidi baja di bawah Kementerian Pertanian dan subsidi harga padi di bawah Kementerian Perusahaan Awam iaitu di bawah LPN. Kedua-dua subsidi ini bagi tahun 1983 Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$270 juta iaitu \$180 juta untuk subsidi harga padi dan \$90 juta untuk subsidi baja. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kedua-dua subsidi ini dihapuskan dan diganti dengan satu subsidi sahaja iaitu subsidi tanaman padi dengan memberi wang berdasarkan keluasan tanah yang ditanam dengan padi, sebagaimana bantuan subsidi tanaman semula getah yang dijalankan oleh RISDA sekarang ini. Ini akan lebih menguntungkan kepada penanam-penanam padi yang benar-benar miskin dan

subsidi ini akan terus kepada mereka tanpa ragu-ragu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1982 ini Kerajaan membelanjakan sebanyak \$130 juta lebih untuk subsidi baja, tetapi malangnya \$130 juta ini tidak semuanya pergi kepada petani-petani kerana pengurusan, pembaziran, kemungkinan juga ada penyelewengan yang menyebabkan perkara ini tidak sampai kepada para petani seluruhnya. Baja-baja yang begitu banyak dibeli secara kontrak. Dalam kontrak yang besar seperti ini bermacam-macam perkara boleh berlaku. Sebab itulah timbul tuduhan satu masa dahulu bahawa baja bercampur pasir dan bercampur tanah serta sebagainya. Dan bagi tiap-tiap satu beg baja itu dikehendaki diisi sebanyak 20 kilogram; apakah semua pihak penguatkuasa atau pihak yang bertanggungjawab yang membeli baja ini dapat menentukan bahawa baja yang dibelinya yang berjuta-juta beg itu mempunyai isi yang betul-betul 20 kilogram. Jadi kalau ini tidak dapat dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab sudah tentu kalau sekiranya satu kilo bagi satu beg ataupun setengah kilo bagi satu beg kekurangan bermakna berjuta-juta wang Kerajaan telah terbang tanpa pergi kepada petani-petani. Pembaziran juga akan berlaku di peringkat-peringkat pengedaran dan simpanan serta hantaran yang kurang daripada bilangan yang sebenar sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Berlaku juga penjualan oleh para petani yang mendapat subsidi itu sendiri dengan harga yang murah dan kadang-kadang dijual dengan harga separuh dan malangnya ada pula agen-agen yang membeli baja-baja subsidi itu. Ada setengahnya sudah tidak perlu lagi baja kerana sudah tiap-tiap tahun ditaruhnya baja maka baja itu disimpan di bawah rumah tanpa digunakan sepenuhnya dan akhirnya membazir dan ini bermakna mereka itu tidak perlu lagi baja. Oleh itu, berbagai-bagai perkara berlaku yang menyebabkan berjuta-juta ringgit dibelanjakan itu hanya separuh sahaja digunakan oleh para petani yang berkehendakkan subsidi ini.

Kembali pula kepada subsidi harga padi telah dibelanjakan oleh Kerajaan \$100 juta lebih pada tahun ini tetapi yang mungkin dapat dinikmati oleh petani yang benar-benar petani dan miskin hanya sedikit sahaja kerana kebanyakan para petani membuat padi bukan untuk dijual tetapi untuk dimakan sendiri; kalau dijual pun sepikul dua, tidak dibawa sendiri ke kilang LPN. Penjualan sedikit-sedikit ini dijual kepada peraih dengan harga biasa. Subsidi akan dapat dinikmati oleh peraih atau pembeli-pembeli padi di peringkat-peringkat kampung ini. Jika adapun mereka menjual padi, ini adalah oleh para petani yang sudah kaya yang mereka itu dapat berkunca-kunca dan beratus-ratus pikul. Ini bermakna subsidi Kerajaan sudah tidak bermakna lagi. Ini tergolong kepada mereka yang kaya dan menjalankan penanaman padi dengan secara upah ataupun petani ini tidak pernah kena lumpur atau turun ke sawah.

Walau bagaimanapun, subsidi harga padi ini telah dapat dinikmati oleh petani-petani di kawasan MADA dan sedikit-sedikit di kawasan Tanjung Karang, tetapi di KADA, Kelantan dan semua negeri-negeri lain membuat padi sebagaimana yang saya sebutkan tadi adalah untuk dimakan, bukan untuk dijual. Faedah daripada subsidi ini tidak akan dinikmati oleh para petani yang kecil-kecil. Ada setengah terdapat mereka ini terpaksa menjual padi kerana berkehendakkan subsidi harga dan kemudiannya mereka ini membeli beras dengan harga yang murah, itupun kalau wang hasil daripada jualan padi itu ada disimpan oleh mereka buat selama-lamanya untuk mereka membeli beras.

Jadi dengan cara ini bermakna Kerajaan dengan memberi subsidi harga padi ini, Kerajaan sudah tidak menggalakkan lagi petani-petani ini menyimpan padi kerana petani-petani ini tidak banyak mempunyai padi-padi untuk dijual. Apabila ramai menjual padi timbul pula satu masalah kekurangan kemudahan (facilities) serta alat dryer yang cukup di kompleks padi LPN yang ada di negara kita. Akibatnya padi yang terkumpul banyak tidak dapat disimpan lama

kerana tidak cukup kering. Mengikut satu sumber dari LPN bahawa padi itu tidak dapat disimpan lebih daripada sebulan. Sekiranya lebih, berasnya akan menjadi merah dan mutunya akan jatuh padahal LPN beli dengan harga yang tinggi dan dengan keadaan itu maka terpaksa jual dengan harga yang murah. Ini akan menanggung kerugian oleh pihak LPN. Oleh itu kemudahan (facilities) dan dryer perlu diutamakan bagi mengeluarkan hasil beras dan mutu yang baik.

Kesimpulannya sebahagian besar petani-petani miskin dalam negara ini tidak dapat keuntungan daripada subsidi harga padi yang dilaksanakan oleh Kerajaan itu. Oleh itu sekali lagi saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menghapuskan kedua-dua jenis subsidi ini dan mewujudkan satu subsidi iaitu subsidi tanaman padi yang berdasarkan keluasan tanah yang ditanam padi, tetapi tidak melebihi 6 ekar sekeluarga. Kalau 6 ekar berdasarkan pembahagian baja; 36 beg baja dan harga subsidi padi adalah dianggarkan seorang petani akan mendapat subsidi tanaman padi sebanyak \$500 lebih kurang seekor dan kalau 6 ekar mereka itu mendapat kira-kira tidak kurang daripada \$3,000. Dengan adanya subsidi tananam padi ini Kerajaan memberi kebebasan sama ada petani itu mahu menggunakan kewangan subsidi itu untuk membeli baja, membeli racun, membeli alat pertanian yang murah atau untuk upah. Jadi petani itu boleh membuat pertimbangan sendiri tentang keperluan dan kehendak-kehendak sebenar dalam usaha menghasilkan tanaman padi dengan produktiviti yang tinggi dan hasil yang menggalakkan kepada petani itu sendiri.

Kemungkinan besar petani-petani tidak menggunakan kewangan subsidi itu untuk tanaman padi. Ini mungkin dapat dikawal dan diawasi dan kalau inilah merupakan satu sebab maka mungkin hasrat Kerajaan untuk memberi subsidi kepada para petani itu berhasil. Walau bagaimanapun, sekiranya pengawasan itu kurang dan wang subsidi itu digunakan untuk keperluan lain tetapi maksud dan matlamat wang tersebut dapat juga kepada petani yang miskin dan yang benar-benar petani. Kepercayaan Kerajaan kepada petani dalam bantuan subsidi ini

mungkin akan melahirkan kejujuran dengan kerelaan hati sendiri petani itu memajukan tanaman padi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dahulu menyebut, kita telah sampai kepada satu tahap yang boleh dibanggakan dan telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang lebih gemilang tetapi malangnya telah beberapa kali baik di dalam Dewan ini juga di luar, oleh wakil dari Kota Melaka, juga dari Jelutong dan juga daripada beberapa wakil DAP yang tidak mahu membentuk ke arah perpaduan yang lebih erat dari menyatukan warga, bahasa dan kebudayaan. Beliau lebih suka berbilang bangsa, berbilang bangsa dan juga berbilang kebudayaan dan ini akan melahirkan berbilang pendapat akhirnya berbilang mayat yang bergelimpangan. Ini mungkin akan ditempah oleh mereka tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah negeri China tidak dilupai oleh orang-orang China di negeri China, sejarah India tidak dilupai oleh orang-orang India di negeri India dan sejarah Tanah Melayu tidak akan dilupakan oleh orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Adalah ganjil sekiranya terdapat orang-orang Cina dan India dalam DAP masih mengagungkan sejarah negara lain dan kebudayaan negara lain serta apa yang terdapat di negara lain. Walaupun mulutnya berbuih-buih mengaku taat setia kepada negara ini, inilah yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, taat setia yang pura-pura yang menikam dari belakang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang selalu kita sebut di mana bumi dipijak di situ langit di junjung. Sejarah telah membuktikan bahawa negara ini Tanah Melayu, jangan cuba hendak diputar belit dan memesong kenyataan realiti sejarah ini. Apabila masuk Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 barulah berubah kepada Malaysia dan tidak ada dikatakan "Chinesia" atau "Indiasia" Bantahan wakil dari Kota Melaka terhadap saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong dalam ucapannya baru-baru ini dan juga dalam Belanjawan baru-baru ini merupakan ucapan yang melampau dan menipu bara api yang hampir padam. Dalam Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan, Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Negara kita berkehendakkan satu bahasa sebagai bahasa negara dan bahasa perpaduan rakyat Malaysia. Tidak semestinya bahasa-bahasa lain tidak dibenarkan hidup. Negara kita menghormati bahasa-bahasa lain bukan bahasa Cina dan India bahkan bahasa Jepun, Korea, Arab, Perancis digalakkan untuk hidup di dalam negara kita tetapi bahasa rasmi tetap Bahasa Kebangsaan adalah satu sahaja. DAP jangan cuba memutar belit dan memesongkan fikiran rakyat yang tidak tahu akan motif dan taktik politik DAP. Begitu juga kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat itu minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kita dari DAP berpendapat bahawa bahasa rasmi ialah Bahasa Malaysia yang saya cintai sendiri. Tetapi kita hanya meminta supaya pihak yang berkuasa janganlah menjejaskan perkembangan bahasa yang lain. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja yang dimintanya (*Ketawa*). Silakanlah!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, boleh. Kita tidak pernah menyebut bahawa bahasa-bahasa lain akan dihapuskan dan tidak pernah pihak Kerajaan sendiri, pihak Menteri dan pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menyebutkan bahawa bahasa-bahasa lain tidak diberi tempat di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bersetujulah!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Bersetuju-kalau ada lagi boleh beri jalan. Tuan Yang di-Pertua, begitu jugalah kebudayaan. Kebudayaan Melayu sebagai asas kebudayaan nasional. Kebudayaan

Melayu hanya ada di Malaysia sahaja dan tidak terdapat di negara-negara lain. Alangkah malu kita seolah-olah negara kita tidak bermarwah kerana rakyat Malaysia mengaku kebudayaan negara lain untuk dijadikan kebudayaan negara kita. Kita tidak mahu kebudayaan yang terdapat di negeri lain diambil 100% unsurnya untuk dijadikan kebudayaan negara kita. Di negeri China tarian singa, di Malaysia tarian singa. Di India cucuk lidah, di Malaysia cucuk lidah. Kita boleh terima unsur-unsur kebudayaan asing untuk diserapkan dan dicipta satu kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan Melayu. Tetapi janganlah tarian unsur-unsur agama daripada negara lain itu untuk dipaksakan, untuk dijadikan sebagai satu kebudayaan tanpa diubah unsur-unsur dan apa yang terdapat daripada negara lain.

Oleh itu, saya menyeru kepada Kerajaan jangan bertolak ansur dalam masalah bahasa, dalam masalah kebudayaan demi untuk mewujudkan satu warga, satu identiti negara dan kita tidak boleh mendengar suara-suara sumbang yang boleh mempunyai kepentingan diri dan motif politik mereka kerana inilah satu-satunya alat yang ada pada Kerajaan untuk menyubur keharmonian kehidupan rakyat dan mengeratkan perpaduan rakyat tanpa mempunyai nilai-nilai jahat dan prajudis serta syakwasangka yang membuta tuli sebagaimana yang terdapat daripada segolongan yang tidak percaya kepada negara ini. Selagi terdapat rakyat Malaysia.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta jalan sekali lagi, Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kebudayaan, kebudayaan yang terdapat pada golongan masyarakat Cina di sini bukan semuanya yang terdapat di negeri China. Banyaknya tidak ada di negeri itu lagi. Itu semata-mata berkembang dari Malaysia. Tetapi yang saya hendak tekankan bahawa walaupun kita hendak wujudkan kebudayaan istimewa bagi negara kita, kita tidak boleh

laksanakan dasar itu dengan memaksa kaum-kaum yang terdiri di Malaysia kita. Kalau kita memaksakan itu tidak boleh diterima. Misalnya kalau tarian singa corak masyarakat Cina di sini kita benarkan, tidak payah kita sekat asalkan tidak menjejaskan ketenteraman negara.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tarian singa yang ada di negeri kita ini adalah tidak ubah sebagaimana tarian singa yang ditarikan oleh orang-orang China di negeri China semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Kalau itu unsurnya hendak dijadikan kebudayaan dalam negara kita maka sudah tentu sebahagian besar rakyat tidak boleh terima perkara ini dan masalah setengahnya tarian singa ini merupakan tarian agama dan kita tidak boleh hendak mencampurkan masalah agama itu kepada masalah kebudayaan. Jadi dengan sebab itulah kalau kita sekiranya ada unsur-unsur yang berlainan maka kemungkinan kita boleh menerima tetapi langgang-lenggoknya dan caranya serta gendangnya adalah tidak ubah sebagaimana gendang yang terdapat di negeri China. Jadi kalau itulah hendak dijadikan negara Malaysia maka negara kita sudah tidak bermaruah, negara kita sudah tidak mempunyai identiti kebudayaan sendiri. Negara kita sudah tidak mempunyai satu-satu pilihan kebudayaan yang boleh diterima sebagai rakyat di negara ini.

Selagi terdapat rakyat Malaysia yang mengagungkan bahasa, dan kebudayaan negeri China, bukan orang Cina, dan bahasa serta kebudayaan negeri India atau negara-negara lain termasuk fanatik-fanatik yang mengagungkan bahasa dan kebudayaan negeri Arab maka selama itu negara ini tidak bermaruah. Negara ini tidak mempunyai identiti yang boleh dibanggakan seperti parti DAP yang tidak bermaruah, hidup dalam keadaan keloh kesah dan juga kucar kacir, pemimpinnya meletak jawatan dan menjilat kembali dan berbagai-bagai lagi berlaku. Tokoh-tokoh penting yang cerdik pandai lari keluar daripada DAP dan mana-mana yang bercanggah pendapat ditendang dan dipaksa keluar, tetapi malangnya ahli-ahli DAP

yang keluar DAP dianggap sebagai pengkhianat korup kerana wang, kerana hendakkan tanah, kerana hendakkan berbagai-bagai lagi "kerana" yang direka oleh pemimpin yang tidak bermaruah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya orang yang masih tinggal di dalam DAP itulah tidak mempunyai prinsip dan pengkhianat kepada negara. Kerana dasar DAP tidak terjejak di alam negara ini, tidak sesuai dengan realiti dan norma-norma yang ada di dalam negara ini. Prinsip DAP adalah lahir dari nafsu tamak dan jiwa yang tidak berpuas hati dengan menurut nafsu syaitan. Syaitan tidak akan puas selagi hajatnya memahamkan ummah tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang kekal dalam DAP juga sebagai pengkhianat, dan menyuburkan niat-niat jahat terhadap rakyat negara ini. . . .

Dr Tan Seng Giaw: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta jalan sekali lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Boleh!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (4) adalah salah bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadap. Kita bukan syaitan. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa perkataan syaitan itu unparliamentary. Minta tarik balik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak boleh menggunakan perkataan "syaitan" pun saya tarik balik, tetapi ini merupakan hantu ataupun gambaran. (*Ketawa*) Dan perkataan "khianat" selalu digunakan bahkan perkataan "binatang" pun selalu digunakan dalam Dewan ini tanpa ditarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: "Binatang" pun unparliamentary, tidak boleh digunakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Jadi sebenarnya "syaitan" yang saya sebutkan ini sebagai nafsu syaitan, jadi benda sebagaimana telah digunakan oleh orang ramai satu peribahasa.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau kata nafsu syaitan, tidak apa. Tetapi yang dikatakan tadi sebagai syaitan, tidak boleh (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sekali lagi. Saya rasa dalam ucapan saya tadi saya ada sebut nafsu tamak, berjiwa yang tidak berpuas hati dengan menurut nafsu syaitan. Itu saya ada sebut tadi. Nafsu syaitan ini tidak akan puas selagi hajatnya hendak menjahanamkan ummah tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang kekal di dalam DAP juga ialah pengkhianat dan menyuburkan niat-niat jahat terhadap rakyat dan negara ini, terutama pengkhianat kepada bangsa Cina dan India. Dengan menanamkan nilai-nilai dan norma-norma serta pemikiran negatif terhadap negara ini terutama kepada orang Melayu. Mereka menanam dan menyuburkan sifat-sifat dengki yang menebal ke jiwa orang-orang Cina dan India agar membenci orang-orang Melayu. Amnya Kerja yang ada sekarang. Pendek kata DAP telah bertanggungjawab menimbulkan berbagai-bagai fikiran dan pendapat-pendapat songsang demi untuk mengekalkan politik dan periuk nasi pemimpin mereka kerana kerja pembangkang tidak ada, kalau adapun hanya bercakap dalam Dewan berulang-ulang kali mengeluarkan pendapat ialah pendapat yang sama yang sudah kita jawab maka terpaksa kita jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan DAP seperti ini kononnya boleh menyedarkan masyarakat Cina dan India dalam negara ini yang katanya disifatkan sebagai tertindas. Tetapi sebaliknya perbuatan DAP boleh mengejut harimau tidur, boleh menyalakan bara yang telah lenyap. Adakah DAP fikir orang Melayu telah menerima kepuasan dan terletak di dalam tempat yang sewajarnya di Tanah Melayu ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya berharap Yang Berhormat itu bercakap berjaga-jaga sedikit kerana perkara itu akan menyetuh Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya ucapkan ini adalah juga pernah diucapkan oleh orang-orang yang menentang parti UMNO. Jadi apa yang saya ucapkan ini bukan saya hendak menyatakan bahawa perkara ini adalah sebagai menghasut tetapi apa yang dibuat oleh DAP itu seolah-olah hendak menyedarkan harimau tidur, hendak menyedarkan orang Melayu yang sekarang ini baranya telah padam, semangatnya telahpun lenyap dan tidak ada lagi memikirkan soal bangsa, dan soal bahasa dan soal kebudayaan tetapi DAP telah menimbulkan perkara ini dan telah membangkit-bangkitkan perkara ini. Apakah orang Melayu di negara ini telahpun sihat ataupun duduk di dalam keadaan yang senang? Ini ialah realiti iaitu kemiskinan yang wujud dalam negara ini. Sebab itulah saya terpaksa menyebut perkara ini. Apakah orang Melayu telah kaya di dalam ekonomi dan pelajaran serta kedudukan di dalam negara ini. Kalaulah jawapan "ya" bermakna orang itu tidak berhati perut, sekiranya ada mata, matanya buta, jiwa dan fikirannya telah hitam gelap-gelapnya.

Tuan Yang di-Pertua, realiti negara ini, orang Melayu yang didengki oleh DAP adalah kaya dengan kemiskinan. Orang Melayu kaya dengan buta huruf, orang Melayu kaya dengan penyakit. Tidak hairan orang Melayu telah di discriminate oleh penjajah di dalam menggerakkan pertumbuhan awal ekonomi negara ini dengan membawa orang-orang dari negeri China dan daripada negeri India untuk menjadi kunci-kuncunya di dalam menyuburkan ekonomi dalam negeri ini. Oleh itu tidak sepatutnya ada golongan atau DAP dengki kepada orang Melayu yang realitinya dan sebenarnya hidup di dalam suasana masyarakat kelas dua di dalam negara ini.

Kami tidak mahu gelaran 'bumiputra' diberi kepada kami kalau sekiranya kami mendapat 50% sahaja kekayaan ekonomi di dalam negara ini. Tetapi malangnya orang Melayu

ada ditahap kurang daripada 20% sahaja kekayaan dalam negara ini. Kami orang Melayu tidak tamak, menuntut lebih daripada kemampuan dan realiti yang ada tetapi kalau keadaan sudah melampau diberi betis hendakkan paha maka saya berseru bahawa perkara ini Kerajaan tidak bertolak ansur. Biar apa akan terjadi mungkin orang Melayu akan sedar, inilah apa yang saya katakan menggerakkan harimau tidur. Orang Melayu tidak akan takut kalau sekiranya keadaan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat itu berjaga-jaga sedikit di atas Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c). Saya tidak akan membenarkan Yang Berhormat itu bercakap semacam itu. Tanggungjawab saya ialah menjaga tertib dan Peraturan Mesyuarat. Saya rasa yang itu adalah sedikit sebanyak menyetuh 36 (10) (c).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dengan kemenangan pilihanraya kecil Kepayang baru-baru ini DAP gembira sekali. Heboh di dalam Dewan ini dengan Pengistiharan Kepayang konon. Dengan megah, sombong sekali seolah-olah negara ini hak bapanya. Jangan DAP jadi macam ayam, bertelur sebiji riuh sekampung. Itu pun kemenangan di kubunya, bukan kemenangan yang dirampas dari kubu orang lain tetapi telah berketak riuh sekampung. Kalau beginilah sikap angkuh pemimpinnya, akan pemimpin ini tidak akan kemana-mana dan cita-citanya akan hancur begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat yang tidak puas hati dengan dasar negara ini dan mensifatkan dasar negara ini gagal maka mereka itu telah dikatakan beberapa kali oleh pihak pemimpin boleh berhijrah keluar. Kalau wakil Kota Melaka menganggap dasar negara ini gagal maka boleh balik, carilah negara lain yang dasarnya sesuai dengan jiwanya.

Makin ramai orang tidak puas hati dengan dasar negara ini maka kami yang ada di sini dengan rela hati tanpa sedu-sedan untuk melepaskan mereka itu, jangan malu-malu, pintu masih terbuka untuk mereka itu kerana dasar yang ada ini tidak sesuai kepada

mereka. Kerajaan Barisan Nasional tahu, sedar dan insaf akan dasar negara yang dibuatnya.

Dalam ucapan wakil Kota Melaka yang lalu dengan terang-terang mengaku bahawa beliau tidak akan patuh kepada dasar Kerajaan Barisan Nasional ataupun dasar negara ini. Kalau begitu saya persilakan, dengan hormat dipersilakan dengan gelak ketawa kami lepaskan. Carilah kepuasan hati

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong minta jalan pula.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dalam demokrasi berparlimen kita hendak mengamalkan suatu prinsip di mana hak perbantahan dibenarkan. Jikalau kita membangkitkan pendapat dan fikiran yang berlainan daripada dasar Kerajaan, ini bukan kita tidak taat setia kepada negara, kerana kita anggap tidak betul sahaja.

Misalnya, kalau hendak melaksanakan dasar penyertaan orang Melayu dalam bidang perindustrian dan perdagangan, kita di dalam DAP tidak menafikan ini perlu, tetapi yang kita hendak menekankan bahawa yang diagih, yang dapat keuntungan bukan bagi orang-orang Melayu yang sekarang ini mewah atau kaya, berilah orang-orang yang sangat memerlukan, yang berkehendakkan pertolongan. Itu yang kita mencadangkan. Jadi, janganlah kita menganggap kalau ahli-ahli DAP menentang dasar itu kita hendak dihantar ke negeri lain, ini percakapan yang tidak sesuai untuk Dewan yang mulia ini. Kerana itu kita dalam DAP mempunyai profession yang tertentu bukan tidak ada profession. Kita ada sungutan dan kita ada pendapat yang berlainan. Genggam bara api biar sampai menjadi arang.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu guru di dalam Dewan ini dan kita telah sedar apa yang kita kata dan apa yang kita buat. Saya persilakan ini kerana mereka tidak setuju dengan dasar Kerajaan yang ada dalam negara ini. Kalau tidak bersetuju maka jiwanya tertekan.

Apabila jiwa tertekan maka berbagai-bagai perkara boleh berlaku kepada mereka, sebagaimana telah dilakukan oleh negara jiran kita, bukan sahaja orang dalam negaranya, pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak menyokong dasar Kerajaannya minta disuruh berhenti, bukan sahaja disuruh keluar. Kalau ada orang yang menentang dasar negaranya iaitu negara jiran maka mereka itu bukan sahaja ditekan tetapi dinyatakan daripada negara itu. Dan kita tahu DAP juga dilahirkan daripada mana? Dan kita tahu asal-asal mu, maka sebab itulah kita berkata begitu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kalau DAP berkuasa dalam negara ini akibatnya apa yang berlaku di negara jiran itulah apa yang akan berlaku dalam negara ini. Dan kerana kita tahu di mana lahirnya, di mana asalnya bagaimana sikapnya dan segala-galanya, dasar-dasarnya maka sebab itulah saya mengeluarkan perkara-perkara ini. Kita tidak guna rakyat kita ini mempunyai prasangka kepada dasar Kerajaan yang ada. Kita boleh mengkritik dari segi pelaksanaannya. Kita boleh mengkritik segala-segala yang sekiranya dianggap tidak betul tetapi kita tidak seharusnya mengkritik dasar Kerajaan yang ada dengan secara tidak mahu mematuminya. Kalau ada seorang pemimpin yang mengatakan saya tidak akan patuh kepada dasar Kerajaan ini maka dengan itu kita mempersilakan mereka itu ke mana-mana sahaja. Carilah negara yang mempunyai dasar yang sesuai kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada dasar dan juga orang-orang yang tidak setuju dengan dasar negara kita, jangan lupa mereka itu dipersilakan dan bawalah rakan-rakan mu bersama ke timur ataupun ke barat. Biarlah kami di sini hancur dengan dasar negara ini. Dasar negara ini kami nikmati, akui bukan sahaja di Asia tetapi di peringkat antarabangsa, cuma kepada mereka yang tamak sahaja tidak akan mendapat kebaikan yang ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di Pertua, parti Pembangkang dalam negara ini patutnya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang adil dan memberi mereka

kebebasan bercakap. Mereka boleh bercakap dengan begitu lantang dan mengkritik Kerajaan dengan begitu berani sekali. Kita tidak payah pandang jauh; lihat sahaja negara jiran bagaimana pemimpin Pembangkang ditekan sampai tidak dapat bersuara lagi. Bukan sahaja pendapat Pembangkang tidak dihormati tetapi dibunuh terus daripada pendapat yang songsang yang tidak sejajar dengan dasar Kerajaan mereka. Begitulah akan jadi kalau DAP berkuasa dalam negara ini kerana bapak borek, anak rintik. Kita tahu dari mana asal mu DAP, jangan berselindung di sebalik telunjuk (*Tepuk*). Tetapi malangnya, kebaikan Kerajaan Barisan Nasional dianggapkan satu kelemahan. Inilah bangsa yang tidak tahu senang, diberi betis hendakkan peha dan inilah merupakan sifat-sifat yang tamak.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi berparlimen yang kita pupuk dan jagai selama ini, janganlah dicemar dan dirosakkan oleh segolongan kecil bangsa yang tamak dan tidak kenal kepuasan. Demokrasi yang telah membuktikan ketahanan dan keutuhan negara ini dan juga demokrasi yang telah memberi kebebasan bercakap dan juga dasar ekonomi yang terbuka. Janganlah hendaknya disalah-mengertikan dan disalah-fahamkan serta disalah-gunakan oleh orang yang tidak tahu menggunakannya. Kalau bunga tidak boleh diberi kepada beruk maka demokrasi yang ada sekarang juga tidak boleh diberi kepada beruk. Kalau beruk boleh menjahanamkan bunga, kita boleh beri bunga lain kepada beruk itu. Tetapi kalau beruk itu menjahanamkan negara ini jawabnya tidak ada maaf bagi mu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan bercakap tidak mestinya kita sentiasa bercakap kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi kalau kita bercakappun, kalau bercakap yang sama diulang-ulang beberapa kali, disebut beberapa kali maka cakap-cakap itu sebagaimana yang saya telah gunakan seperti anjing menyalak bukit, tidak memberi faedah langsung, Tuan Yang di-Pertua.

DAP telah mengatakan bahawa mereka tidak mahu berkompromi dengan Barisan Nasional, tetapi sebaliknya, Barisan Nasional

tidak pernah minta kompromi dengan DAP dari segi menegakkan bahasa dan kebudayaan dalam negara ini. Kita tidak mahu perkara-perkara yang merupakan satu perkara untuk kepentingan negara dan kepentingan umum itu ditentang dan juga dibuat sebagai satu helah dan isu yang tidak memberi faedah kepada negara.

Misalnya, ada Kerajaan menggunakan satu simbol bersih, cekap dan amanah. Bersih, cekap dan amanah ini bukan untuk pegawai-pegawai Kerajaan atau Menteri-menteri sahaja. Sepatutnya bersih, cekap dan amanah juga ditujukan kepada parti-parti Pembangkang, dia itu mesti bersifat bersih, cekap dan amanah. Dan juga bersih, cekap dan amanah ini ditujukan kepada semua rakyat, kepada kontraktor, kepada pembekal barang-barang dan juga kepada siapa sahaja yang menjadi rakyat dalam negara ini. Kalau bersih, cekap dan amanah ditujukan kepada Kerajaan dan pegawai-pegawainya ini adalah satu perkara yang tidak adil. Maka DAP dan Pembangkang juga mempunyai sifat bersih, cekap dan amanah. Kalau DAP tidak mempunyai bersih, cekap dan amanah, maka sudah tentu Kerajaan yang ada sekarang ini tidak boleh menghormati pendapat yang dikeluarkan oleh mereka. Jadi, inilah merupakan satu fahaman yang patut difikirkan. Kita tidak boleh menunjukan kata-kata bersih, cekap dan amanah ini hanya kepada mereka yang berkuasa dalam negara ini tetapi kepada siapa sahaja, kepada rakyat, kepada DAP, kepada ahli-ahlinya, kepada anak bininya, dan siapa sahaja supaya bersih, cekap dan amanah ini tetap terlaksana dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang dapat saya berikan kepada parti Pembangkang, tetapi ada satu lagi iaitu saya hendak tujukan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tidak habis lagi. Sila.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: . . . kepada kepentingan kaum-kaum nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Tentang "tetapi" itulah yang saya kata sudah habis tadi. Sudah ada "tetapi". Silakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Keselamatan perairan iaitulah laporan terhadap nelayan-nelayan asing iaitu perompak, lanun yang mengganas terutama di perairan Malaysia/Thailand dan Malaysia/Indonesia, iaitu perairan Selat Melaka.

Kawasan penangkapan ikan menjadi sempit dan mengurangkan tangkapan dan ada di antara mereka itu takut ke tempat yang jauh daripada pantai. Tanggungjawab Kementerian Pertahanan tidak ada kerjasama di antara Polis Marin dengan Navy. Bilakah pihak Kerajaan akan mengadakan atau mempraktikkan tindakan bersepadu agar Polis Marin dan Navy ini dapat melaksanakan perlindungan bersepadu di perairan kita bagi keselamatan nelayan, bukan membahagi-bahagikan tugas dan kawasan sebagaimana yang ada sekarang hanya kawasan Polis Marin, Polis Marin yang menjaganya dan kawasan Navy, Navy yang menjaganya. Ini patut disatukan.

Kembali kepada kesilapan nelayan kita yang sudah tentu mereka itu tidak berpengetahuan tinggi, mereka itu masuk mencari rezeki ke kawasan perairan Indonesia misalnya, terutama di kawasan Selat Melaka kerana kawasan perairannya sempit. Malangnya Polis Marin Indonesia lebih cekap menangkap nelayan-nelayan kita daripada kita menangkap lanun-lanun daripada negara asing. Batasan di perairan Selat Melaka sempit dan tidak dapat ditentukan oleh nelayan-nelayan kita dengan jelas, akhirnya termasuklah ke perairan Indonesia. Pihak Polis Marin Indonesia kadang-kadang keterlaluhan dan ada pihak yang berkepentingan diri mengeksploitasikan perkara ini dengan mengadakan tangkapan yang disengajakan dengan tujuan untuk mendapat tebusan. Kawasan ini pula merupakan kawasan turun-temurun. Kawasan ini digunakan oleh nelayan untuk menangkap ikan.

Nelayan-nelayan kita ditangkap, diberi layanan yang buuk sama ada taraf penjenayah dan kadang-kadang tidak boleh dijamin

langsung. Orang-orang Indonesia yang ditahan di Malaysia yang kesalahannya serupa dan lebih besar dibenarkan dijamin dan dibicarakan dengan keadaan segera. Jadi ini menyebabkan nelayan kita menunggu berbulan-bulan, apabila disabitkan kesalahan dikenakan denda yang berat dan bot dirampas, tetapi kita di Malaysia bot-bot tidak dirampas.

Hingga sekarang terdapat 25 buah bot telah ditahan dan dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia tanpa mendapat tebusan balik. Mereka tidak dibicarakan dengan adil dan tindakan yang melampaui batas terhadap nelayan-nelayan kita kerana mengikut Undang-undang Indonesia yang sebenarnya, kesalahan yang pertama didenda sebanyak 50,000 rupiah dan bot dilepaskan. Kesalahan yang kedua dikenakan 150,000 rupiah, bot dilepaskan dan kesalahan yang ketiga didenda 250,000 rupiah, bot dilepaskan dan kesalahan yang keempat didenda 500,000 rupiah dan barulah dirampas. Tetapi malangnya kebanyakan nelayan-nelayan kita yang mempunyai kesalahan sekali, botnya dirampas dan tidak dapat ditebuskan.

Keadaan nelayan kita yang ditahan sebelum dibicarakan menerima layanan yang buruk dan tidak berperikemanusiaan, seolah-olah mereka itu tidak ada persaudaraan langsung dengan kita. Jadi, makanan-makanan yang mereka beri itu adalah tidak sewajarnya dan kesihatan nelayan tidak diambil hirau dan dikurung dalam sebuah bilik yang sempit beramai-ramai tanpa pakaian yang sesuai dan tidur di atas simen selama berbulan-bulan. Tetapi sebaliknya orang-orang Indonesia datang ke Malaysia, mendarat di Port Kelang, Pulau Ketam, Sungai Buluh, Melaka, Kuala Sungai Baru dan Port Dickson, mereka datang secara haram dan nelayan-nelayan Indonesia ini menjalankan kegiatan pertukaran barang (bater trade) dan mendaratkan ikan. Ada juga yang melakukan sedikit-sedikit jenayah tetapi tidak diambil hal oleh pihak Marin, Navy dan juga pihak Imigeresen. Kalau adapun tidak sekeras dan secepat pihak Indonesia menangkap nelayan-nelayan kita.

Begitu jugalah berlaku di perairan Malaysia/Thailand di Tumpat, Kelantan dan juga di Perlis, terdapat ancaman daripada

Thailand kepada nelayan-nelayan kita. Mereka berani masuk ke kawasan perairan kita dan melakukan rompakan. Apakah tindakan yang kita ambil walaupun terdapat kadang-kadang satu atau dua bot yang dirampas. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri supaya mengambil perhatian dalam perkara ini dan dengan lebih tegas mengadakan satu perundingan tiga negara bagi membincangkan keselamatan nelayan-nelayan di perairan dan juga memberi perlindungan hak rakyat kita dalam tahanan di Indonesia dan juga di Thailand agar mewujudkan tali persaudaraan yang benar-benar di antara negara kita dengan negara-negara tersebut.

Dengan itu, saya menyokong Belanjawan 1983. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Serian.

6.16 ptg.

Tuan Richard Dampeng anak Laki (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb. Oktober, 1982.

Negeri Sarawak ialah negeri yang paling besar sekali di negara kita. Walaupun Sarawak mempunyai kependudukan sebanyak 1.4 juta, luasnya ialah hampir sama dengan luas sebelas buah negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana kawasannya yang luas dan kependudukannya yang kebanyakannya di merata-rata tempat, iaitu di kawasan-kawasan luar bandar serta tumpuan penduduknya di beberapa bandar sahaja.

Rakyat di Sarawak sedang mengalami berbagai-bagai masalah persendirian akibat daripada keadaan ini. Memandangkan saya ialah wakil dari sebuah kawasan yang mempunyai kependudukan desa dan bandar, saya ingin mengemukakan di Dewan yang

mulia ini perkara-perkara yang sangat memerlukan perhatian dari Kerajaan khususnya dari Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin menyentuh tentang soal perkhidmatan bomba di Sarawak yang mana pada masa dahulu telah diselenggarakan oleh pihakberkuasa-pihakberkuasa Tempatan disebabkan kekurangan kewangan yang dihadapi oleh pihakberkuasa-pihakberkuasa Tempatan tersebut.

Perkhidmatan-perkhidmatan bomba telah berkurangan dari segi alat-alat kelengkapan yang moden dan juga tenaga manusia. Misalnya di beberapa kawasan di Binatang di mana sebuah kereta bomba yang diperolehi 20 tahun dahulu masih digunakan.

Baru-baru ini satu kebakaran yang besar telah berlaku dan kejadian ini telah menunjukkan bahawa alat-alat kelengkapan yang sedia ada tidak mencukupi serta tidak boleh menjalankan dengan baik. Nasib baik penduduk-penduduk di Binatang telah mendapatkan pertolongan dari bandar-bandar berdekatan seperti Serikei dan Sibul. Walaupun demikian, enam buah rumah kedua telah musnah dan tiga buah lagi terbakar setengah dan ini telah berlaku oleh kerana masa dan jarak antara dua tempat. Akibat kebakaran tersebut tidak ingin saya membayangkan oleh kerana ia mungkin sangat dahsyat dan kemungkinan seluruh bandar boleh dimusnahkan.

Ada terdapat banyak tempat dalam keadaan yang sama, yang kurang peralatan moden dan tenaga manusia. Kami merasa sukacita bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah urus perkhidmatan bomba lebih kurang setahun yang lalu dan kami mendesak Kerajaan mengambil langkah-langkah segera dan tegas untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Saya ingin mengetahui bilakah kereta bomba baru dan tenaga manusia akan diperolehi untuk menyelamatkan nyawa dan hartabenda rakyat. Rakyat mempunyai harapan yang tinggi dan berharap agar perkara tersebut dapat diperolehi tidak lama lagi untuk memperbaiki semula keadaan keselamatan di tempat mereka.

Memandangkan terdapat kepada hal yang tersebut adalah lebih baik sekiranya perkhidmatan bomba disatukan dan dengan dijalankan secara berkaitan dan hendaklah diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekiranya berlaku kecemasan, mereka boleh merayu kepada pihak Polis dan lain-lain pihak untuk menjaga keselamatan dan ketertiban serta juga mempunyai tenaga manusia yang lebih sekiranya berlaku kebakaran yang besar-besaran.

Kemudahan perumahan adalah di antara kemudahan penting bagi rakyat Sarawak. Kebanyakan kemudahan rakyat Sarawak ialah petani, peniaga kecil dan pekerja dan adalah di dalam golongan yang berpendapatan rendah. Dalam pada itu terdapat satu keperluan dan kehendak untuk mendapatkan rumah-rumah harga rendah oleh kerana harga-harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta adalah sangat tinggi dan diluar kemampuan mereka untuk membelinya.

Saya ingin mengetahui sama ada mempunyai rancangan ataupun program yang tertentu untuk membina rumah-rumah kos rendah bukan sahaja di bandar-bandar tetapi juga di daerah-daerah kecil dan di kawasan-kawasan luar bandar di mana terdapat rakyat keturunan Iban, Dayak dan Melayu yang mana sedang bercucuk tanam di kawasan-kawasan tersebut.

Rumah-rumah yang mereka duduki sekarang adalah dalam keadaan yang buruk dan perlu dibina semula dan dalam hubungan ini mereka menghadapi kesulitan untuk membina rumah-rumah panjang yang baru. Saya harap Kerajaan akan menimbangkan untuk memberikan bantuan kewangan yang khas untuk membantu mereka membina rumah-rumah panjang yang baru. Kita sebagai wakil rakyat sentiasa menghadapi permintaan-permintaan rakyat berkenaan dengan subsidi atau apa-apa bantuan. Walaupun Kerajaan telah tiap-tiap tahun memperuntukkan tabung khas di bawah tabung projek luar bandar kecil bagi Ahli Parlimen, kita harap Kerajaan akan terus memberikan bantuan kewangan tersebut oleh kerana adalah sukar bagi ahli-ahli Parlimen

dari kawasan-kawasan luar bandar untuk memenuhi permintaan-permintaan rakyat itu. Sekiranya Kerajaan tidak mempunyai cukup wang untuk tabung tersebut memandangkan keadaan ekonomi pada masa sekarang, saya ingin mencadangkan supaya satu tabung revolving diadakan bagi pemulihan rumah-rumah panjang tersebut.

Rakyat di Sarawak adalah tinggal di merata-rata tempat dan oleh yang demikian masalah perhubungan adalah rumit disebabkan kekurangan kemudahan-kemudahan pengangkutan. Saya ingin menyatakan betapa pentingnya supaya hospital dibina di beberapa daerah terutamanya di daerah-daerah yang jauh dari bandar-bandar besar. Saya ingin mengetahui sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa perancangan untuk membina hospital-hospital di daerah-daerah kecil seperti di Serian, Bintang dan sebagainya. Tambahan lagi lebih banyak lagi doktor-doktor yang berkelayakan khususnya pakar-pakar hendaklah dilantik dan ditempatkan di berbagai hospital di dalam negeri Sarawak.

Saya ingin memohon supaya Kerajaan memberi pertimbangan untuk mengadakan semula perkhidmatan klinik pergigian yang bergerak kepada kawasan-kawasan luar bandar oleh kerana kebanyakan rakyat duduk jauh dari bandar, terutamanya budak-budak sekolah terpaksa meninggalkan sekolah untuk selama satu atau dua hari supaya mendapatkan rawatan dan ini boleh menjejaskan pendidikan mereka.

Di negeri Sarawak kebanyakan rakyatnya masih bergantung kepada hasil-hasil bumi iaitu pertanian. Pada tahun-tahun awal 60-an semua senapang-senapang patah telah pun ditarik balik. Pada masa kini tanam-tanaman rakyat sedang dirosakkan oleh binatang-binatang liar dan penduduk-penduduk tidak dapat berbuat apa-apa pun memandangkan senapang patah itu telah pun ditarik balik. Saya ingin meminta Kerajaan menimbangkan sama ada Kerajaan akan membekalkan semula senapang-senapang patah tersebut kepada penduduk-penduduk yang berkenaan untuk membolehkan mereka melindungi tanam-tanaman mereka dari dirosakkan oleh binatang-binatang itu. Oleh hal yang

demikian adalah juga dicadangkan supaya sebuah cawangan Jabatan Perhutanan ditubuhkan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, petani-petani di Sarawak ingin supaya Kerajaan mengurangkan duti import bagi baja-baja serta menghapuskan duti-duti eksport bagi lada hitam seperti yang telah dimaklumkan oleh Kerajaan bagi kelapa kering. Memandangkan keadaan ekonomi dunia sekarang menghadapi kesulitan maka dengan adanya pengurangan dan terhapusnya duti-duti tersebut akan mengurangkan beban petani-petani bagi mendapatkan rezeki.

Bekalan air adalah juga di antara keperluan yang penting bagi kehidupan seseorang rakyat. Adalah terdapat banyak kawasan di Sarawak terutamanya dekat kawasan pantai seperti Binatang, Sarikei dan lain-lain lagi kawasan yang mengalami kekurangan bekalan air terutamanya semasa musim kemarau. Pihak JKR telah mengangkut air dengan lori-lori mereka supaya rakyat dapat menggunakan air itu untuk memasak serta kegunaan diri sendiri. Walaupun demikian, langkah itu adalah sementara sahaja dan saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk memberi perhatian terhadap perkara ini. Saya bercadang supaya lebih banyak lagi kewangan diperuntukkan dan keutamaan diberikan kepada kawasan tersebut.

Soalan jalanraya di Sarawak adalah juga satu soalan yang menjadi perkara yang perlu diberikan perhatian berat. Saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan bahawa jalanraya dari Kuching ke Lawas belum dibubuh tar dengan sempurna dan hanya sebahagian sahaja yang dibubuhkan tar. Tambahan lagi, ada sebilangan jalanraya yang telah dibina antara 15-16 tahun iaitu Serian, Mongkos-Tebeduh, tetapi jalanraya ini masih belum dibubuhkan tar. Keadaan ini sungguh menghairankan dan tidak patut terjadi. Memandangkan pertambahan kenderaan yang menggunakan jalanraya tersebut yang mana dijadikan sebagai perhubungan yang penting di antara beberapa bandar dan daerah di Sarawak, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan untuk memperuntukkan kewangan untuk membubuh tar di jalanraya

tersebut supaya dapat menyelesaikan masalah ini sama sekali. Dengan itu ia akan juga menyegerakan pembukaan kawasan-kawasan luar bandar dan dapat memperluaskan lagi pembangunan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang skim bekalan elektrik luar bandar dan ingin mengetahui sejauh manakah Kerajaan telah dapat memenuhi kehendak bekalan elektrik. Adakah bekalan elektrik itu dihadkan kepada kawasan-kawasan bandar sahaja? Saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada hakikat bahawa berkenaan dengan bekalan elektrik kawasan-kawasan luar bandar, Sarawak adalah ketinggalan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan luar bandar di Semenanjung. Saya sungguh berharap program bekalan elektrik luar bandar akan diperhebatkan lagi terutamanya di negeri Sarawak, khasnya memandangkan SESCO di Sarawak yang diambil alih oleh Kerajaan Pusat maka saya berharap agar masalah ini akan diperbaiki secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir keadaan keselamatan bagi seluruh negara telahpun bertambah baik termasuk keadaan di negeri Sarawak. Walaupun demikian, beberapa kawasan di Sarawak terutamanya di kawasan RASCOM, bekalan makanan kepada rakyat masih terkawal. Mereka yang ingin membeli beras dan lain-lain keperluan seharian masih dikehendaki mendaftarkan diri dan perkara ini telah membawakan kesulitan kepada penduduk-penduduk terutamanya di kampung-kampung di luar bandar. Saya ingin meminta supaya Kerajaan menimbangkan sekiranya boleh untuk melonggarkan peraturan-peraturan keselamatan yang sedia ada berhubung dengan soal bekalan makanan dan keperluan seharian supaya rakyat tidak mengalami kesulitan yang boleh menjejaskan cara kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung besok.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.